

Bil. 14

**Isnin
14 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan 1)

Perutusan Daripada Dewan Negara (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGIPERTANYAAN- PERTANYAAN

(Ruangan 2)

KENYATAANKHAS DIBAWAH PERATURAN

MESYUARAT 14(1) (i):

Projek Hidroelektrik Bakun Sarawak (Ruangan 19)

UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMATIAN Y.B. TUAN P.PATTO (BAGAN)

(Ruangan 24)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Ruangan 25)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang
Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 1995 (Ruangan 25)

USUL:

Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 57)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

(i) Bencana Akibat Daripada Pembangunan
- *Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)* (Ruangan 57)

(ii) Semangat Perpaduan Di Antara Kaum Yang Merosot
- *Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar)* (Ruangan 60)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- " Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- " Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- " Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD,
J.B.S. (Mukah).

- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO’ HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO’ K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO’ ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” DATO’ HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- ” DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO’ NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- ” TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- ” TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- ” TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- ” DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- ” PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- ” TUAN AKHBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- ” DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- ” TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- ” TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- ” DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- ” PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- ” TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, s.s.m., d.h.m.s., s.s.a.p. (Merbok).
- ” TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- ” TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- ” DATUK HANAFAI BIN RAMLI (Jerlun).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).

- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

Yang Berhormat DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI (Bandau).

- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

Yang Berhormat DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).

- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN


- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
- : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb Ogos 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-
kan Mesyuarat*)

Tuan Setiausaha: Mengangkat Sumpah oleh seorang Ahli baru, Yang Berhormat dari Bukit Bintang. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Mengangkat Sumpah mengikut peraturan oleh kerana tidak ada dalam Urusan Aturan Mesyuarat hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ada dalam Aturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat ini kita akan meninggalkan Dewan ini sebagai satu protes oleh kerana ini dilakukan mengikut cara demokrasi (*Disampuk*), tidak melalui pintu depan tetapi melalui pintu belakang.

(*Ahli-ahli DAP keluar meninggalkan Dewan*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila.

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Y.B. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

(*Ahli-ahli DAP masuk semula ke dalam Dewan*)

PEMASYHURAN
TUAN YANG DI-PERTUAMEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995;
3. Akta Kastam (Pindaan) 1995;
4. Akta Eksais (Pindaan) 1995;
5. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995; dan
6. Akta Zon Bebas (Pindaan) 1995.

PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua

Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen Penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA KEPADA
DEWAN RAKYAT**

“11hb Ogos, 1995

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995;
2. Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995;
3. Akta Kastam (Pindaan) 1995;
4. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995;
5. Akta Eksais (Pindaan) 1995; dan
6. Akta Zon Bebas (Pindaan) 1995.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KELAPA SAWIT-KAJIAN
MENGGUNAKAN PELEPAH/
BATANG**

1. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah kajian dibuat oleh Kementerian berhubung dengan penggunaan pelepah/batang kelapa sawit diproseskan untuk menjadi perabot sebagaimana berlakunya kepada kayu getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penyelidikan terhadap bahan-bahan sampingan pokok kelapa sawit merupakan satu langkah yang penting dan digalakkan oleh Kementerian ke arah mengeksploitasikan potensi ekonomi bahan-bahan tersebut memandangkan terdapatnya bekalan bahan-bahan sampingan ini dengan banyaknya yang dianggarkan melebihi 18 juta tan setahun. Sehubungan itu, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) ke atas bahan sampingan kelapa sawit seperti batang, pelepah, tandan kosong dan sabut untuk menghasilkan pelbagai barangan siap bagi kegunaan komersil telah diteruskan dan setakat ini menunjukkan beberapa kejayaan.

Hasil R&D PORIM telah menunjukkan bahawa batang dan pelepah adalah bahan mentah yang sesuai untuk pembuatan perabot dan ini secara tidak langsung dapat menampung keperluan sumber bahan kayu-kayan

negara untuk industri perabot. Apa yang menarik ialah bahan mentah ini seperti kayu getah adalah terjamin bekalannya dan boleh diperbaharui atau 'renewable', dengan izin.

Dalam hal ini, pihak PORIM telah berjaya menghasilkan meja dan kerusi sekolah daripada pelepah sawit dan sejumlah 815 set kerusi-meja lengkap yang dibuat secara kilang sedang melalui ujian ketahanan secara kegunaan sebenar di 16 buah sekolah di seluruh negara. Penelitian dan maklum balas yang diperolehi menunjukkan bahawa bahagian meja atas dan tempat duduk kerusi-meja sawit masih lagi dalam keadaan baik walaupun ia telah digunakan selama satu tahun.

Selain itu, kajian-kajian yang dibuat di peringkat kilang telah menunjukkan bahawa pelepah sawit juga sesuai untuk perabot-perabot lain seperti meja makan dan meja komputer. Lanjutan daripada kejayaan ini, beberapa pihak telah menghubungi PORIM untuk mengeksplorasi kegunaan bahan sampingan sawit bagi pembuatan papan serpai, papan gentian ketumpatan sederhana, palpa dan kertas, medium tanaman serta tilam/kusyen.

DENGGI MEMBAWA KEMATIAN—JUMLAH KES

2. Tuan Md. Isa bin Sabu minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes demam denggi yang berlaku pada 1995 mengikut negeri. Juga nyatakan bilangan kematian yang berkaitan dengan kes ini; dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengelak kemungkinan kes begini daripada berulang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, dari Januari

hingga Julai 1995 ini sebanyak 2,811 kes demam denggi dengan 20 kematian dilaporkan di seluruh negara.

Bilangan kes demam denggi dan kematian mengikut negeri-negeri bagi tempoh Januari hingga Julai tahun 1995 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan kes denggi	Bilangan Kematian
1.	Perlis	1	0
2.	Kedah	19	0
3.	Pulau Pinang	279	2
4.	Perak	230	2
5.	Selangor	704	8
6.	Wil. Persekutuan	450	3
7.	Negeri Sembilan	93	0
8.	Melaka	20	1
9.	Johor	534	2
10.	Pahang	158	3
11.	Terengganu	39	0
12.	Kelantan	13	1
13.	Sabah	95	0
14.	Sarawak	176	0
	Jumlah	2,811	20

Langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan bagi mengelakkan kemungkinan kes begini daripada berulang adalah dengan melakukan pengawasan penyakit dan vektor atau pembawa penyakit. Kerajaan telah menjalankan beberapa sesi latihan/kursus kepada pegawai perubatan dalam melakukan pendiagnosaan penyakit perubatan bagi melaporkan semua kes demam denggi ke Pejabat Kesihatan Daerah dengan segera supaya tindakan pencegahan dan pengawalan penyakit dapat diambil.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bilangan kes denggi yang terjadi di

kawasan bandar dan apakah bilangan yang terjadi di luar bandar? Adakah Timbalan Menteri Kesihatan sedar bahawa satu punca atau breeding ground untuk nyamuk aedes adalah tapak pembinaan di pusat bandar dan ini mengakibatkan kes-kes di sekeliling tapak pembinaan itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya baru memberi laporan secara menyeluruh mengenai bilangan kes kerana bilangan kes itu adalah dilaporkan daripada pihak daerah di negeri-negeri, namun demikian secara umumnya memang di peringkat bandar lebih kerap berlaku akibat daripada kepadatan penduduk. Jadi, nyamuk aedes pembawa penyakit denggi, ia lebih suka 'attack' orang yang duduk di bandar oleh kerana kepadatan penduduk tetapi di luar bandar itu memandangkan rumah-rumah dan kependudukan tidak begitu padat, jadi logiknya lebih di bandar kerap berlaku kes-kes demam denggi.

Mengenai tempat-tempat yang dikatakan tempat pembinaan banyak berlaku, pada asasnya pembawa penyakit demam denggi ini boleh berlaku kerana nyamuk itu membiak di tempat-tempat takungan. Jadi, tidak kira sama ada ianya di tempat binaan atau di mana-mana, di belakang rumah sendiri pun kalau kita tidak mengawasi atau tidak mengikuti amaran-amaran dan siaran-siaran terkini berkenaan dengan cara-cara menjaga dan tidak membenarkan takungan berlaku - di situ yang boleh berlaku pembiakan - sebab itulah semua ahli masyarakat diperlu memberikan kerjasama kepada pihak-pihak berkuasa kesihatan untuk mereka membuat tindakan-tindakan segera atau mengikuti ceramah-ceramah penerangan yang diberikan untuk memberi tunjuk ajar cara mana

boleh membunuh jentik-jentik yang akan menjadi nyamuk dan nyamuk itulah yang biasanya bijak mengenal pasti mangsanya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sejak kerajaan mengadakan kuatkuasa mendenda orang-orang yang memelihara nyamuk aedes ini, setelah denda ini dijalankan adakah kerajaan dapati bahawa denda-denda ini memberi kesan kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang tidak menjaga kawasan keliling dan mencegah nyamuk ini daripada membiak?

Adakah kerajaan sedar di kawasan-kawasan setingan juga banyak nyamuk ini terbiak dan adakah kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya supaya Kementerian Kesihatan sentiasa menyembur ubat-ubat nyamuk ini supaya nyamuk-nyamuk ini tidak boleh hidup?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi dari Januari hingga Jun 1995 daripada 24,680 sebanyak 9,088 buah rumah telah diperiksa dan sebanyak 491,269 disembur kabus, 29,034 dibubuh 'Aebit', 4,748 notis dikeluarkan dan 4,603 rumah dikompaun dengan nilai berjumlah RM269,661 dan 12 tindakan mahkamah diambil. Ini adalah yang the latest. Meskipun terdapat satu kekurangan untuk tempoh empat tahun yang lepas kerana didapati bilangan kes demam denggi tertinggi adalah dicatatkan pada tahun 1991 iaitu 6,628 kes. Mulai tahun tersebut bilangan kes demam denggi dilaporkan menurun di mana pada tahun 1994 hanya, 3,133 kes direkodkan. Tetapi pada tahun 1995

ini telah meningkat semula walaupun kompaun dikenakan. jadi, ini semuanya terpulang kepada soal kesedaran civic, dengan izin, dan juga tindakan kerjasama yang harus diberikan dan memberikan tumpuan yang khusus bahawa penyakit denggi ini adalah merbahaya dan boleh mengakibatkan kepada kematian dan juga mengambil berat tentang mengenal pasti tentang kesan-kesan awal atau symptom untuk membolehkan tindakan rawatan awal diambil dan mengelakkan penyakit itu menjadi lebih serius. Mengenai soalan selanjutnya, bolehkah Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Ia mengenai ubat. Kesan daripada semburan ubat.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kesan daripada semburan ubat (fogging) yang dilakukan apabila ada pemakluman disampaikan oleh pihak pengamal perubatan (dokter) yang mendapati kes-kes positif daripada para pesakit yang dikesan menduduki satu, satu tempat, maka dengan segera tindakan diambil oleh Pegawai Kesihatan membuat semburan dan dia tidak mendatangkan kesan kerana di tempat-tempat biasanya yang agak elit sedikit, mereka tidak memberikan kerjasama seperti menutup jendela, menutup segala-galanya kerana tidak suka kepada usaha fogging ini. Jadi, itu boleh tidak meninggalkan kesan kerana terdapat nyamuk-nyamuk yang hidup ini yang di sebalik tingkap atau di dalam rumah yang tidak mendapat kesan fogging ini. Jadi, kerjasama itu diminta supaya akan dapat dibunuh kerana nyamuk aedes ini biasanya suka menghisap darah pada waktu siang. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat diminta memberi kerjasama dan janganlah menyangka bahawa tindakan fogging oleh pihak pegawai

kesihatan itu merupakan satu usaha yang menyusahkan pada orang ramai.

PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BAHRU— PERKEMBANGAN MUTAKHIR

3. Dr. Tan Kee Kwong minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan yang muktahir mengenai perancangan untuk membangunkan semula kawasan Kampung Bahru di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk membangunkan semula Kampung Baru di Kuala Lumpur masih diteruskan. Walau bagaimanapun, memandangkan kos pembangunan yang dijangka terlibat adalah terlalu tinggi, kerajaan telah mencadangkan supaya pembangunan semula Kampung Bahru dilaksanakan oleh pihak swasta melalui penubuhan beberapa konsortium. Konsortium-konsortium tersebut akan mengadakan rundingan secara terus dengan tuan-tuan tanah mengenai cara yang terbaik untuk membangunkan tanah mereka. Adalah difahamkan rundingan-rundingan seumpama ini sedang berjalan sekarang untuk membangunkan kawasan-kawasan tertentu di Kampung Bahru.

Tuan Chia Kwang Chye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah bilangan rumah atau keluarga yang terlibat dalam projek ini?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Tetapi walau bagaimanapun kita dapati kawasan tersebut luasnya adalah 40.94 ekar dan kita baru menyelesaikan buat lot-lot tanah secara terperinci dan kos-kos tanah secara terperinci.

**PEMECATAN SETIAUSAHA
AGUNG PBB—LANGKAH
TERHADAP USUL**

4. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambilnya dalam kempen yang dicadangkan untuk memecat Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Boutros-Boutros Ghali oleh kerana kegagalannya melindungi 'kawasan-kawasan selamat' di Bosnia Herzegovina.

15.8.95

60. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan satu kempen antara-bangsa untuk memecat Boutros-Boutros Ghali dan jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atas sebab kegagalan yang mengaibkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dari kuasa NATO dalam mempertahankan 'kawasan selamat' di Bosnia yang diumumkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri serta kegagalannya dalam usahanya menghalang tindakan keganasan dan pembersihan kaum oleh pihak Serbia; nyatakan hasil inisiatif berkenaan.

23.8.95

8. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah keputusan muktamad dan terperinci sidang "contact group" Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) terhadap Bosnia-Herzegovina di Geneva baru-baru ini; dan

- (b) apakah yang akan dilakukan oleh OIC untuk merealisasikan keputusannya bahawa "sekatan senjata terhadap Bosnia-Herzegovina oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah tidak sah."

30. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Luar Negeri menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini terhadap usul supaya Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Boutros-Boutros Ghali dipecat kerana kegagalan menangani persoalan Bosnia.

30.8.95

40. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil olehnya untuk melobi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menyokong penyingkiran Setiausaha Agung pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Boutros-Boutros Ghali.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 15hb Ogos, 1995, Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman pada 23hb Ogos, 1995 dan Yang Berhormat Tuan Karpal Singh pada 30hb Ogos, 1995 di Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang sama. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Luar Negeri sekarang ini sedang mengadakan konsultasi dengan negara-negara yang menjadi anggota Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu, khususnya negara-negara yang sealiran pendapat dengan kita untuk memastikan pandangan kepada mereka dan juga sokongan padu sebelum kita mengambil apa-apa tindakan untuk mengemukakan usul ataupun menggerakkan usaha secara rasmi dalam hal ini.

Kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu tegas dan kuat bahawa Boutros-Boutros Ghali patut meletakkan jawatan kerana gagal menangani isu Bosnia itu, pada pandangan saya telah menghantarkan satu mesej yang kuat, dan ini merupakan satu tekanan moral ke atas Setiausaha Agung itu untuk mempertimbangkan kenyataan Perdana Menteri itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya sangat gembira bahawa kali pertama Yang Amat Berhormat bersetuju dengan cadangan saya mengenai pemecatan Boutros-Boutros Ghali sebagai Setiausaha Agung PBB. Soalan saya adalah selepas pengumuman pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri apabila menghadiri mesyuarat OIC dan juga mesyuarat Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN kemukakan cadangan ini. Apa sambutan daripada negara-negara yang lain. Adakah kerajaan berhasrat untuk ambil langkah yang lain untuk tujuan ini, sebagai contoh oleh kerana dalam sidang ini ada satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai isu yang sama. Adakah kerajaan berhasrat untuk bersetuju bahawa masa diberikan supaya usul ini boleh diluluskan dan memberi gambaran bahawa Parlimen Malaysia pun ambil pendirian mengenai perkara ini, dan diharapkan de-

ngan pendirian ini boleh membantu matlamat ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebagai strategi dan langkah awal yang kita ambil mengenai perkara ini ialah kita telah menentukan bahawa kita akan membuat approach kepada negara-negara anggota PBB daripada golongan OIC dahulu. Dalam persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN kita telah mencadangkan supaya diadakan satu kenyataan yang khusus mengenai Bosnia-Herzegovina dan kenyataan ini adalah satu kenyataan yang telah menggambarkan sikap Asia yang begitu tegas mengenai Bosnia-Herzegovina dalam mana buat kali pertamanya satu kerjasama serantau telah menegaskan bahawa Bosnia-Herzegovina patut diberi hak untuk mempertahankan negaranya dan juga untuk memanggil 'collective defence', mendapat bantuan bagi menolong Bosnia dalam hal ini, dan di samping itu juga bersetuju supaya sekatan senjata yang dikenakan ke atas Bosnia itu diketepikan. Ini adalah menjadi matlamat yang utama yang hendak kita perolehi daripada ASEAN. Bukan senang, Tuan Yang di-Pertua, untuk kami sebagai wakil daripada Kerajaan Malaysia untuk mendapat satu persetujuan yang seumpama itu yang tak pernah dibuat oleh mana-mana pertubuhan, melainkan OIC contact group, dan kita telah berjaya dalam hal ini.

Berkaitan dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khususnya mengenai perletakan jawatan Boutros-Boutros Ghali patut meletakkan jawatan, saya tidak dapat mengemukakan ini dalam Persidangan OIC kerana kenyataan ini dikeluarkan selepas Persidangan OIC yang saya hadir itu telah selesai.

Berapa Ahli: (Bangun)

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: kerajaan mengambil sikap yang terbuka dalam hal ini dan memang menghargai mana-mana juga sokongan yang telah diberi oleh rakyat sekalian kepada pendirian kerajaan berkaitan dengan Bosnia-Herzegovina dan kita lihat bahawa dalam isu Bosnia-Herzegovina ini, kepimpinan kerajaan telah mendapat sokongan daripada rakyat dan semua parti, sama ada parti kerajaan ataupun parti pembangkang. Apa-apa usaha yang dijalankan oleh Parlimen untuk memberi sokongan yang lebih kuat kepada kerajaan dalam hal ini memang akan dihargai.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya enam bulan selepas Boutros-Boutros Ghali dilantik menjadi Setiausaha Agung, saya pernah memberi soalan di Dewan ini mengatakan tidak percaya dengan Boutros-Boutros Ghali boleh menjadi wakil. Jadi, bukanlah idea daripada DAP soalan ini. Jadi, soalan saya berapa lama lagikah 'term of office' Boutros-Boutros Ghali ini, dan adakah kesan yang baik dapat didapati kalau kempen dibuat untuk meminta supaya Boutros-Boutros Ghali ini meletak jawatan. Yang kedua, Boutros-Boutros Ghali adalah candidate daripada Afrika. Semasa pemilihan Boutros-Boutros Ghali dahulu menjadi Setiausaha Agung PBB, adakah kerajaan telah membuat konteks dengan African country atau negeri-negeri di Afrika tentang pandangan mereka, soalan permintaan kita, iaitu Boutros-Boutros Ghali patut meletak jawatan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya belum lagi mendapat maklumat daripada pegawai kita yang telah diarahkan membuat konsultasi itu dan pegawai kita berada di luar

negeri pada waktu ini. Jadi, saya tidak boleh membuat satu andaian terhadap sikap mereka walaupun saya mengetahui bahawa memanglah Boutros-Boutros Ghali mendapat sokongan yang cukup kuat daripada negara-negara Afrika semasa pemilihan beliau dahulu sebagai Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Pada waktu ini kita belum lagi mendengar sebarang cakap ataupun kenyataan daripada mana-mana negara di Afrika itu yang melahirkan rasa tak puas hati tentang cara Boutros-Boutros Ghali menangani isu Bosnia itu, kita belum dengar. Tetapi secara senyap-senyap ada pandangan lain, itu saya tak tahulah. Jadi, kita tunggulah dahulu apakah pandangan mereka setelah kita mengadakan konsultasi.

Yang keduanya, saya tak ingat tarikh sebenarnya bila tamat perkhidmatan Boutros-Boutros Ghali sebagai Setiausaha Agung, tetapi dia telah berkhidmat sudah habis separuh penggal.

**PENCEN/GAJI GURU—
KELEWATAN BAYARAN**

5. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapakah terdapat kelewatan membayar pencen kepada pesara-pesara di dalam perkhidmatan awam, terutamanya di kalangan guru;
- (b) kenapakah masih terdapat kelewatan di dalam membayar gaji kepada guru-guru yang baru memulakan perkhidmatan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kedua-dua masalah di atas yang

telah lama wujud. Apakah pula prestasi sejak terlaksananya langkah-langkah tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kebanyakan kes-kes kelewatan dalam pembayaran faedah-faedah persaraan adalah berpunca daripada kelewatan ketua jabatan mengemukakan dokumen-dokumen persaraan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak dapat memproses persaraan anggota berkenaan selagi dokumen-dokumen persaraan masih tidak lengkap. Selain daripada itu, dokumen-dokumen potongan yang memberi arahan potongan daripada faedah persaraan dalam sijil akaun berhutang ataupun tidak berhutang iaitu SAB sering kali lewat dikemukakan oleh agensi-agensi berkenaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kes persaraan berkenaan telah selesai diproses dan SAB masih belum diterima atau belum lengkap, bayaran pencen akan diuruskan terlebih dahulu, bayaran ganjaran akan diuruskan sebaik sahaja SAB yang lengkap diterima.

- (b) Berkenaan kelewatan dalam membayar gaji kepada guru-guru baru yang memulakan perkhidmatan iaitu guru sandaran ataupun terlatih, ianya adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:-

- (i) Kelewatan menerima surat tawaran dan penempatan; dan

- (ii) Dokumen-dokumen seperti sijil akademik, surat perlantikan serta laporan perubatan dari hospital kerajaan yang dikemukakan oleh guru-guru tidak lengkap.

- (c) Bagi mengatasi masalah kelewatan bayaran faedah-faedah persaraan JPA telah menyediakan risalah-risalah bertajuk 'Panduan Urusan Persaraan Wajib' yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam urusan pentadbiran pencen iaitu ketua jabatan, bakal pesara, agensi-agensi berkenaan serta JPA sendiri. Risalah tersebut telah diedarkan kepada semua jabatan dan bakal pesara. Di samping itu, satu siri taklimat pengurusan pencen sedang dijalankan untuk tahun 1994 oleh sebuah jawatankuasa di bawah Kementerian Kewangan dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Bahagian Pencen JPA, Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap bulan.

Bagi mengatasi kelewatan bayaran gaji kepada guru-guru baru yang memulakan perkhidmatan, langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Guru-guru diberi surat penempatan dan tawaran semasa taklimat untuk membolehkan mereka membawa dokumen-dokumen tersebut sendiri

ke tempat mereka bertugas.

- (ii) Di mana kelewatan berlaku, pihak sekolah menyediakan wang pendahuluan sementara menunggu gaji diluluskan.
- (iii) Di mana surat tawaran guru sandaran terlatih lewat diterima, guru-guru yang terlibat diberi tawaran guru sandaran tidak terlatih yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, buat sementara waktu untuk membolehkan pembayaran gaji dilakukan. Hasil daripada langkah-langkah yang diambil ini, guru-guru telah mendapat gaji bulanan mereka, tepat pada waktunya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tahun lalu pihak JPA Bahagian Pencen telah mengemukakan satu prosedur baru mengenai pembayaran pencen iaitu tidak lagi menggunakan waran sebagaimana yang dibuat sebelum ini tetapi menerusi bank. Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah keberkesanan sistem tersebut dan adakah sistem itu dikemukakan setelah diadakan satu kajian terhadap pesara-pesara yang diam jauh di kampung-kampung dan mungkin jauh daripada kemudahan bank?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini agak detail, saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang kelewatan. Seandainya semua dokumentasi itu berjalan dengan baik, berapa lamakah seseorang itu mendapat bayaran pencen setelah dokumen-dokumen pencen itu dihantar kepada JPA?

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, umumnya urusan untuk pegawai-pegawai kerajaan yang pencen, dijalankan sebelum pegawai itu berpencen. Dan kalau ini diuruskan dengan baik, maka pembayarannya boleh dibayarkan hampir segera dalam masa tiga ke enam bulan.

PENGGORPORATAN IPT— BANTUAN GOLONGAN MISKIN

6. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa mengikut kajian awal Universiti Malaya yang ditugaskan mempelopori skim pengkorporatan menunjukkan yuran pengajian peringkat ijazah akan naik tujuh kali ganda dari kira-kira RM1,000 ke RM7,000 setahun, bagaimanakah Kementerian Pendidikan dapat mengawal agar yuran universiti-universiti yang akan dikorporatkan tidak dinaikkan sehingga di luar kemampuan golongan miskin.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, semua universiti awam akan terus diawasi dan dikawal selia dari segi dasar-dasar penting seperti kemasukan pelajar, yuran, program akademik dan akauntabiliti kewangan oleh kerajaan menerusi Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Kadar yuran akan ditetapkan oleh MPTN dan dalam konsep awal pengkorporatan sekarang, kerajaan akan terus memberikan geran dan subsidi tertentu kepada universiti-universiti. Lantaran itu, besar kemungkinannya yuran yang akan ditetapkan merupakan satu kadar yang lebih rendah dari kos sebenar pengendalian kursus-kursus di universiti berkenaan.

Untuk pelajar-pelajar dari keluarga yang berpendapatan kecil, kerajaan akan terus memberikan bantuan biasiswa dan pinjaman. Di samping itu, kerajaan sedang mengkaji skim 'deferment system' atau 'belajar dahulu dan bayar kemudian' di mana pelajar akan membayar semula yuran pengajian setelah mempunyai pendapatan yang boleh dicukai melalui potongan cukai pendapatan. Sistem ini telah diamalkan di beberapa buah negara yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah MPTN akan dikemaskini untuk menghadapi masalah yang akan timbul kerana pelaksanaan sistem korporat ini?

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberi anggaran bagi misalnya tahun hadapan, bilangan pelajar akan diambil oleh kelapan-lapan universiti di Malaysia ini dan juga bilangan yang tidak mampu, yang miskin yang perlu memohon biasiswa dan bantuan daripada pihak kerajaan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pendidikan Tinggi Negara memang akan mengemaskinikan universiti-universiti khususnya dari segi kurikulum, dari segi jenis pentadbiran dan sebagainya supaya kita boleh menjadikan universiti-

universiti awam kita sebagai pusat pendidikan cemerlang dalam konteks antarabangsa.

Kementerian Pendidikan menganggarkan bahawa menjelang tahun target kita ialah bilangan pelajar setiap universiti haruslah dalam lingkungan 20,000 dibandingkan sekarang setiap pelajar universiti mengandungi pelajar-pelajar lebih kurang 13,000 atau 12,000 sahaja. Dan kita menganggar bahawa semua pelajar yang tidak mampu, kerajaan akan memberi bantuan dari segi biasiswa, dari segi pinjaman atau dari segi defer payment seperti yang saya telah terangkan tadi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, langkah mengkorporatiskan universiti adalah satu langkah yang baik, bagaimanapun telah menerima pentafsiran yang agak negatif dan mengelirukan dari berbagai pihak, salah satunya adalah satu kekecohan yang berlaku di Universiti Malaya baru-baru ini mengenai langkah pengkorporatasian ini. Jadi, soalan saya, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak kementerian akan mengadakan satu sesi khusus kepada pemimpin-pemimpin pelajar yang sedang menuntut di seluruh universiti di tanah air mengenai langkah ini supaya mereka dapat membantu kerajaan kerajaan menjelaskan hasrat dan matlamat utama kerajaan untuk mengkorporatiskan universiti?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang merupakan dasar Kementerian Pendidikan di mana kita mengadakan satu 'open door policy', dengan izin, di mana segala 'feedback' kita terima dan kita kaji dan kalau sesuai, kita akan laksanakan. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan khususnya Yang Berhor-

mat Menteri Pendidikan selalunya mengadakan dialog dengan pemimpin-pemimpin universiti, pemimpin-pemimpin pelajar dan sebagainya. Dan selepas konsep pengkorporatan universiti itu ditentukan, Menteri Pendidikan telah berjanji dan telah bersetuju akan berjumpa dan mengadakan satu dialog dengan pemimpin-pemimpin pelajar universiti tempatan. Dan kita berharap dialog tersebut akan diadakan pada bulan Oktober.

PENUKARAN SKIM PINJAMAN SEWA BELI—PELAKSANAAN

7. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak Kementerianya mengarahkan bank-bank perdagangan supaya menukarkan pengiraan kadar faedah pinjaman perumahan yang berdasarkan kaedah "tahunan" kepada "bulanan", setakat ini berapakah bilangan bank dan syarikat kewangan yang telah berbuat demikian; dan
- (b) adakah langkah tersebut akan diperluaskan kepada pinjaman kereta.

22.8.95

16. **Tuan Ho Cheong Sing** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kementerian membuat pertimbangan untuk menukarkan skim pinjaman sewa beli bagi kereta dan kenderaan berat kepada pengiraan faedah bulanan sama seperti yang dilaksanakan pada skim pinjaman perumahan. Kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan

pertanyaan mengenai perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat yang dijadualkan dijawab pada 22 Ogos, 1995 saya memohon untuk menjawab pertanyaan itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua bank dan syarikat kewangan telah menukar kaedah pengiraan kadar faedah pinjaman perumahan daripada yang berasaskan baki tahunan kepada yang berasaskan baki bulanan mulai 1hb Ogos, 1995 ini untuk pinjaman yang sedia ada. Untuk pinjaman baru, tarikh berkuatkuasa bagi bank perdagangan ialah 4 Julai, 1995 dan bagi syarikat kewangan pula tarikh berkuatkuasa ialah 6 Julai, 1995. Pinjaman kenderaan adalah tertakluk kepada Akta Sewa Beli, 1967 di mana faedah pinjaman sewa beli dikira mengikut pengiraan faedah secara tetap ataupun dengan izin, flat interest rate calculation seperti yang ditetapkan oleh Jadual 6, Akta Sewa Beli, 1967. Oleh yang demikian, langkah menukar pengiraan faedah tersebut tidak akan meliputi pinjaman terhadap pembelian kenderaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar ekoran langkah pihak kementerian mengarahkan institusi kewangan menukarkan sistem pengiraan faedah yang berkuatkuasa 1hb Ogos, institusi kewangan seperti bank-bank telah menaikkan base lending rate mereka, dengan izin, dan ini saya rasa tidak memberikan apa-apa kesan - there is no net profit effect, dengan izin, kepada para pengguna. Adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan supaya sebarang

penjimatan oleh pihak pengguna ekoran daripada penukaran pengiraan faedah bulanan tidak akan ditolak atau dikurangkan kerana kenaikan base lending rate yang dinaikkan pada bulan Ogos, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua ialah tentang pengiraan kadar faedah untuk kereta, adakah beliau sedar bahawa kalau nominal interest rate atau flat rate 10% untuk kereta sebenarnya effective interest rate atau real interest rate ialah 18.6% atau hampir 19%, iaitu satu kadar faedah yang hampir sama dengan cettiar-cettiar yang dipinjam di luar institusi kewangan. Bolehkah supaya pengguna menikmati faedah yang sama, sistem pengiraan yang sama digunakan ke atas pinjaman kereta, kerana saya tidak nampak apakah sebabnya flat rate masih digunakan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka tentu sedia maklum bahawa kenaikan interest rate ataupun kenaikan base lending rate itu tidak ada kena mengena dengan penukaran pembayaran daripada tahunan ke bulanan. BLR adalah dinaikkan berasaskan kepada cost of money. Jadi, usaha Yang Berhormat untuk mengikat kenaikan BLR ini tiada asasnya. Jadi, apa yang ditukarkan mendatangkan faedah kepada peminjam. Tetapi BLR naik kerana cost of money meningkat, tidak ada kena mengena dengan penukaran ini.

Kedua, mengenai dengan flat rate. Yang Berhormat mencadangkan supaya kita tukar kepada jadual ataupun cara yang dibuat di dalam pinjaman perumahan. Seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa kita tidak menukarnya kerana ianya adalah disebutkan di dalam Akta Sewa Beli, 1967 dan kemungkinan kita akan

mengkaji tentang penukaran ini iaitu dengan mengadakan pindaan kepada Akta Sewa Beli ini. Tetapi ingin saya menjawab tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, iaitu kita sedar bahawa flat rate 10% itu efektif sebenarnya adalah lebih, tetapi 18% seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah sama dengan ceti adalah tidak benar kerana apa yang saya tahu tahap ataupun kadar yang dikenakan oleh ceti adalah lebih tinggi - 80% pun ada. 18% adalah perkara biasa yang dikenakan oleh bank-bank di negara ini walaupun ianya secara tidak ketara atau secara ketara.

Tuan Lim Si Chen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dasar pengiraan kadar faedah pinjaman perumahan secara bulanan ini akan kekal menjadi polisi tetap. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ianya mendatangkan faedah kepada rakyat, khususnya peminjam, tentu sekali kerajaan akan mengekalkan dasar ini dan kemungkinan tidak akan berubah sehingga ada komplek ataupun sungutan-sungutan daripada pihak rakyat. Kerajaan Barisan Nasional adalah peka kepada kehendak rakyat.

BUKU 'BACAAN'—TINDAKAN KERAJAAN

8. Tuan Haji Hamzah bin Ramli minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang akan diambil ke atas penulis buku terjemahan Al-Quran bertajuk "Bacaan"; dan
- (b) apakah bentuk hukuman sesuai yang harus dikenakan terhadap penulis-penulis seperti ini ke-

rana jelas ia boleh mendatangkan pemesanan akidah dan penyebar ajaran salah terhadap umat Islam di Malaysia khususnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan telah pun mengambil tindakan mengharamkan buku yang bertajuk "Bacaan" tulisan Othman bin Ali keluaran Omar Brothers Publications Singapura dan telah diwartakan pada 22 Julai, 1995 dan tindakan yang boleh diambil ke atas penyebar ajaran sesat adalah mengikut kesalahan yang disabitkan oleh mahkamah. Jika ia sabit sebagai pengamal atau penyebar ajaran sesat, tindakan boleh diambil mengikut peruntukan tersebut.
- (b) Setakat ini hukuman yang boleh dikenakan ke atas kesalahan seperti ini tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali berdasarkan peruntukan enakman hukum syarak.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak ada usaha-usaha untuk mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ini dan apakah pihak mass media ada usaha untuk menyekat sebarang penglibatan untuk menyiarkan tulisan-tulisan mereka yang terlibat sebagaimana sekarang ini. Walaupun bukunya telah diharamkan tetapi tulisannya tersebar. Misalnya satu contoh dalam akhbar harian pada hari ini tersiar pandangan orang-orang tertentu.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Usaha sedang dan sentiasa diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan tentang menyekat dan untuk membawa penyebar-penyebar ajaran salah seperti ini ke dalam mahkamah tetapi penelitian yang wajar mesti dibuat sebelum tindakan dapat diambil. Mengenai akhbar-akhbar, kita telah memberi nasihat kepada mereka bahawa penyiaran yang dibuat ialah untuk memberi penerangan kepada masyarakat umum tentang apa-apa bentuk ajaran yang salah supaya orang awam atau masyarakat Islam dapat menjauhkan diri.

Tuan Haji Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika kerajaan boleh mengambil tindakan kepada kumpulan al-Arqam, tidakkah tindakan yang serupa boleh diambil kepada penulis buku ini dan pengikut-pengikutnya supaya masyarakat Islam tidak akan terus sesat dan disesatkan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, tindakan seperti itu memang boleh diambil dan kenyataan ini telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu yang lepas.

INFLASI SIFAR— KEBERKESANAN

9. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan pengawalan inflasi melalui kempen inflasi sifar;
- (b) adakah beliau sedar bahawa Hari Inflasi Sifar dieksploitasi untuk mempengaruhi pengguna untuk berbelanja besar

sehingga Hari Inflasi Sifar menjadi Hari Berboros; dan

- (c) adakah beliau sedar bahawa istilah Inflasi Sifar menjadi istilah gantian kepada jualan murah yang sering memperdayakan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), kempen Inflasi Sifar seperti yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 2 Julai, 1995 memang telah menunjukkan kesan positifnya sehingga kini. Kempen inflasi sifar memberikan penekanan kepada peranan para peniaga untuk mengoperasikan perniagaan mereka secara bertanggungjawab dan beretika.

Setakat ini sambutan yang diterima daripada para peniaga amat menggalakkan. Mereka sanggup menyertai Hari Inflasi Sifar dan bersedia menawarkan barang-barang keperluan pada Hari Inflasi Sifar dengan harga yang lebih rendah dari hari-hari biasa. Ini akan memberi peluang kepada pengguna untuk membeli barang-barang keperluan dengan harga yang lebih murah pada hari berkenaan. Jika para peniaga sanggup menawarkan harga barangan yang mereka jual dengan lebih murah, ini bererti usaha-usaha pengawalan inflasi dapat dicapai dengan berkesan. Walau bagaimanapun, masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan program ini secara menyeluruh.

Bagi menjawab soalan (b), tawaran harga yang lebih rendah pada Hari Inflasi Sifar sepatutnya tidak disalahgunakan oleh para pengguna untuk membeli barangan dengan jumlah yang lebih banyak dari keperluan biasa atau

dengan lain perkataan, berbelanja dengan boros. Hari berkenaan hendaklah dianggap sebagai satu kesempatan kepada para pengguna untuk membeli barang-barang keperluan yang sekadar mencukupi untuk sesuatu tempoh tertentu misalnya untuk tempoh satu bulan. Para pengguna perlu merancang untuk membeli barang-barang keperluan pada Hari Inflasi Sifar dengan jumlah yang tidak melebihi keperluan biasa tetapi dapat melakukan penjimatan kerana harganya adalah lebih rendah dari biasa.

Bagi (c), memang ada setengah peniaga yang cuba mengelirukan pengguna dengan menggunakan istilah 'Inflasi Sifar' sebagai istilah gantian kepada 'Jualan Murah'. Dalam apa keadaan sekali pun, para pengguna boleh memainkan peranan untuk mengelak dari diperdayakan. Apa-apa aktiviti promosi untuk melariskan jualan adalah strategi perniagaan yang tujuannya untuk memancing pembeli tetapi para pengguna masih mempunyai kuasa mutlak untuk membuat penilaian untuk memastikan tawaran-tawaran itu benar-benar menguntungkan pengguna atau sebaliknya. Di samping itu, kerajaan sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan pengguna untuk mendidik dan menyedarkan para pengguna.

Pihak kementerian seterusnya sentiasa mengawasi aktiviti jualan Hari Inflasi Sifar supaya para peniaga tidak memperdayakan para pengguna.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang pendekatan pihak kementerian untuk menjayakan Kempen Inflasi Sifar. Se-jauh manakah berkesannya penguat-kuasaan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian kalau kenaikan harga untuk setengah perkhidmatan atau barangan diambil tindakan

manakala untuk yang lain tidak diambil tindakan langsung. Sebagai contoh, kenaikan kadar tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan di mana telah dinaikkan sebanyak 60 sen tetapi saya tidak mendengar sebarang reaksi atau nampak sebarang reaksi oleh pihak kementerian. Bolehkah sikap 'double standard' ini dikikis sama sekali supaya tindakan yang integrated, yang konsisten atau tuntas boleh diambil oleh pihak kementerian.

Yang kedua, tentang kadar inflasi yang dikatakan oleh pihak kementerian. Adakah kadar inflasi ini mencerminkan keadaan yang sebenarnya kerana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sendiri iaitu Presiden Gerakan menyatakan kadar inflasi bukanlah 3% atau 4% tetapi dia sendiri berkata dalam Mesyuarat Agung Gerakan bahawa kadar inflasi lebih dari 10%. Kalau seorang Menteri Kabinet boleh menyatakan sesuatu yang bercanggah dengan kementerian Barisan Nasional sendiri, apakah kedudukan sebenarnya? Bolehkah kita tahu siapa bercakap benar? Pihak kementerian atau Yang Berhormat Presiden Gerakan bercakap bohong?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengambil langkah-langkah melalui penguatkuasaan terhadap kenaikan harga barang-barang tetapi itu bukan bererti bahawa kenaikan barang-barang langsung tidak dibenarkan. Cuma kita mahu menentukan bahawa harga barang-barang atau perkhidmatan yang dinaikkan adalah sama dengan pengeluaran atau produktiviti.

Jadi, kalau kenaikan kadar tol itu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kalau difikirkan tidak boleh dibenarkan oleh kerajaan atas sebab-sebab yang dikemukakan

kepada kerajaan, maka perkara ini tidak dianggap sebagai salah dan sebarang tindakan tidak akan diambil oleh pihak penguatkuasa walaupun perkara ini di luar daripada bidang kuasa kementerian saya.

Tentang kadar inflasi, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah luar daripada pengetahuan saya atau kementerian. Kadar inflasi yang telah disebutkan oleh kerajaan adalah kurang daripada 4% dan ini adalah satu perkara yang dibuat melalui Jabatan Statistik atas beberapa perkara tertentu mengikut sistem ekonomi untuk tentukan kadar dalam negara kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Timbalan Menteri. Laporan akhbar dua, tiga hari yang lalu mengatakan ada sesetengah pasaraya dan gedung-gedung membeli-belah telah pun menyalahgunakan Hari Inflasi Sifar. Umpamanya ada tempat-tempat yang mengatakan, dengan izin, "Have a date with zero inflation every Saturday" dan daripada laporan mengatakan pada hari itu sebenarnya harga telah pun dinaikkan dan kononnya diturunkan atas 'inobservation' ataupun untuk mengingati Hari Inflasi Sifar harga diturunkan sedangkan 'in actual, in virtual reality', harganya adalah tinggi dan dia 'slash down on that very day', dengan izin, kononnya untuk menghormati Hari Inflasi Sifar.

Adakah eksploitasi seperti ini di awasi? Adakah pihak kementerian mempunyai personnel yang cukup untuk mengawasi salah amalan yang dilakukan oleh sesetengah peniaga yang tidak pun berprinsip dalam menjayakan Kempen Inflasi Sifar?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang melalui Kempen Hari Inflasi Sifar dan jualan-jualan yang berlaku pada hari tersebut, kita telah pun menjalankan penguatkuasaan. Sehingga hari ini tidak ada sebarang laporan dari pihak awam tentang harga yang lebih daripada yang dipamerkan atas barang-barang. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan akan terus dilakukan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada mendapati gedung-gedung, pasaraya-pasaraya atau tempat-tempat jualan di mana harga itu dinaikkan lebih dari kadar biasa pada Hari Inflasi Sifar, kalau maklumat itu diberikan terhadap pasaraya-pasaraya tertentu atau kedai-kedai tertentu, kita akan mengambil tindakan.

Tentang kakitangan bagi jawatan penguatkuasaan, memang saya boleh katakan bahawa jumlah yang sedia ada tidak mencukupi dan kita telah meminta pihak kerajaan memberi kelulusan untuk menambahkan jumlah kakitangan yang sedia ada.

INSTITUT TEKNOLOGI PETRONAS—OPERASI

10. **Dr. Ramli bin Taib** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Institut Teknologi Petronas akan beroperasi sepenuhnya;
- (b) apakah kursus-kursus yang akan ditawarkan di institut tersebut; dan
- (c) memandangkan majoriti aktiviti-aktiviti pengeluaran dalam industri petroleum dan gas berpusat di Terengganu dan juga dengan ketiadaan institut pengajian tinggi/universiti induk, adakah kerajaan bercadang

untuk membina kampus induk ITP tersebut di negeri Terengganu.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penubuhan Institut Teknologi Petronas masih lagi di peringkat perancangan awal. Urusan untuk mendapatkan kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan sedang diusahakan.

Mengikut cadangan yang dikemukakan, Institut tersebut akan menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan teknologi petroleum, petrokimia dan industri berat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum ini diketahui bahawa UTM atau Universiti Teknologi Malaysia juga ada Fakulti Petroleumnya. Adakah dengan penubuhan institut ini, bagaimana caranya - adakah berkemungkinan pertindihan dari segi kemasukan penuntut ataupun kerja-kerja R&D akan datang?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya sebentar tadi, kita sedang menunggu kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan. Jadi insya-Allah, apabila ada jawapan nanti akan saya sampaikan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan Negeri Melaka telah mengumumkan bahawa sebuah universiti akan didirikan di Selandar, Melaka. Saya tak tahu, mungkin ini tidak disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Yang Berhormat dari Selandar.

Tetapi kalau ini tidak benar, saya tidak nampak mengapa pengumuman ini tidak dinafikan oleh pihak kerajaan kerana banyak persediaan sedang dibuat di kawasan Selandar, iaitu kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ini. Bolehkah keadaan sebenarnya diberitahu oleh Yang Berhormat supaya kita tahu sama ada diluluskan di Melaka ataupun tidak?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebagaimana telah saya sebutkan tadi, kita masih menunggu jawapan daripada Kementerian Pendidikan. Maka apabila kelulusan telah didapati, baru kita akan fikirkan di mana akan kita dirikan.

KECUAIAN PEMAJU PERUMAHAN—HUKUMAN

11. Dr. G. Leelavathi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah jenis hukuman yang dikenakan oleh pihak Kementerian kepada pemaju-pemaju perumahan atau bangunan jika sesuatu kawasan perumahan atau bangunan runtuh akibat kecuaiannya pemaju-pemaju tersebut; dan
- (b) setakat ini berapa orang pemajukah yang dikenakan hukuman akibat kecuaiannya mereka dalam hal disebutkan tadi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kuasa yang diberikan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah

Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan peraturan di bawahnya tidak membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan ke atas pemaju perumahan jika kawasan perumahan runtuh akibat dari kecuaiannya pemaju tersebut. Walau bagaimanapun, mengikut seksyen 71 di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan ke atas sesiapa yang bertanggungjawab bagi sebarang kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, sama ada semasa peringkat pembinaan atau selepas bangunan itu siap. Di bawah pindaan kepada Akta 133, sekiranya disabit kesalahan, orang berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau keduanya sekali.

- (b) Memandangkan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa masing-masing, Pihak Berkuasa Tempatan, kementerian ini tidak mempunyai perangkaan mengenai bilangan pemaju yang telah dikenakan hukuman akibat kecuaiannya mereka dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 90 akan dijilid dalam buku berasingan)

**KENYATAAN KHAS DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT**

14(1) (i)

Projek Hidroelektrik Bakun,
Sarawak

Tuan Yang di-Pertua: Kenyataan Khas daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengenai Projek Hidroelektrik Bakun di Sarawak.

3.36ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Loe Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyampaikan ke Dewan yang mulia ini satu kenyataan mengenai Projek Hidroelektrik Bakun mengikut peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat 14(1)(i).

Kebelakangan ini, isu pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun telah mendapat perhatian ramai di kalangan rakyat dari semua golongan. Kenyataan ini adalah bertujuan untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini mengenai keputusan kerajaan melaksanakan projek ini.

Projek Hidroelektrik Bakun adalah sebuah projek hidroelektrik terbesar yang dikenal pasti di hulu Sungai Rejang di Sarawak dengan keupayaan penjanaan sebanyak 2,400 megawatt. Persediaan untuk melaksanakan projek ini telah berjalan hampir 15 tahun. Bermula dengan pengenalan projek ini di dalam kajian "The Sarawak Master Plan Study for Power System Development" yang disediakan oleh sebuah konsortium di bawah Germany Agency for Technical Cooperation Ltd. dalam tahun 1981. Sejak itu beberapa kajian telah dijalankan untuk memastikan kemungkinan pelaksanaan projek ini dan sehingga tahun 1995,

sejumlah 9 kajian telah dijalankan berhubung dengan projek ini.

Untuk tujuan melaksanakan kajian ini, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan lebih daripada RM30 juta. Semua kajian tersebut termasuk satu kajian oleh Bank Dunia, Malaysia Power Sector Issues dan Options dalam tahun 1987 mengesahkan bahawa Projek Hidroelektrik Bakun adalah berdaya-maju dari segi ekonomi dan teknikal.

Kos pembinaan projek, tidak termasuk faedah tatkala projek ini dibina adalah dianggarkan berjumlah RM11.5 bilion. Projek ini akan memberi pulangan Economic Internal Rate of Return atas kadar 12%. Di samping itu, mengikut kajian Unit Perancang Ekonomi (Power Sector: Investment Study, 1985) dengan menggunakan discount rate 8% sehingga tahun 2030, Projek Bakun ini adalah lebih murah jika dibandingkan dengan penjanaan menggunakan lain-lain bahan bakar.

Sungguhpun Projek Hidroelektrik Bakun telah lama disahkan sebagai berdayamaju, kerajaan pada bulan Januari tahun 1987 telah menangguhkan keputusan melaksanakannya. Beberapa faktor telah mendorong kerajaan membuat keputusan tersebut. Di antara sebab-sebab projek itu ditangguhkan sebegini lama adalah kerana:

- (i) kedudukan jangkaan beban dan wujudnya sumber lain yang tertentu seperti gas yang menunjukkan pada ketika itu Projek Hidroelektrik Bakun tidak merupakan pilihan kos terendah sehingga selepas tahun 2000; dan
- (ii) dalam tempoh tahun 1984 ke 1986, negara sendiri mengalami

kemelesetan dalam pertumbuhan ekonomi dan dengan itu tidak memberi keutamaan kepada projek-projek besar.

Dengan perkembangan ekonomi negara yang pesat bagi tempoh masa setengah dekad kebelakangan ini di mana paras pertumbuhan ekonomi melebihi 8% setahun, keperluan infrastruktur termasuk pembekalan elektrik turut berkembang secara mendadak. Keadaan ini telah mendorong kerajaan mengkaji semula kemungkinan melaksanakan projek ini dan pada 8 September 1993 meluluskan pelaksanaannya.

Di samping itu, selaras dengan dasar penswastaaan kerajaan, projek ini telah ditawarkan untuk pelaksanaan oleh sektor swasta dan Syarikat Ekran Berhad telah dilantik untuk mengetuai sebuah konsortium bagi melaksanakan Projek Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana projek-projek besar kerajaan yang lain, Projek Hidroelektrik Bakun ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri. Kerajaan akan terus mengawasi pelaksanaannya. Oleh itu kerajaan telah melantik sebuah firma juru perunding yang berkelayakan bagi mengkaji dengan teliti dan memberi nasihat kepada kerajaan bagi mengawasi projek ini.

- Dari segi alam sekitar, Lembaga Sumber-sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah bersama-sama berganding bahu bagi memastikan aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar dipatuhi oleh pihak pemaju. Dengan itu laporan EIA yang pertama bersama-sama dengan semua lampirannya (appendixes) sudah sedia bagi sesiapa jua yang hendak membelinya.

Kerajaan juga sedang menimbang-kan menubuhkan pihak berkuasa yang akan bertanggungjawab ke atas keselamatan empangan-empangan di seluruh negara. Pihak kerajaan juga akan memastikan bahawa harga elektrik yang dijana daripada projek Bakun ini adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melantik Harza Engineering Company International Limited Partnership.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan, Yang Berhormat. Hendak beri atau tidak?

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tidak beri. Kita beri kenyataan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Kerajaan telah melantik Harza Engineering Company International Limited Partnership, sebuah firma juru perunding terkemuka di dunia bagi memberi nasihat dari aspek teknikal, ekonomi dan kewangan serta menguruskan pengurusan Projek Bakun kepada kerajaan. Keputusan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan projek ini bukanlah berasaskan cadangan yang dikemukakan oleh Ekran Berhad. Sebenarnya kerajaan setelah meneliti semua laporan kajian projek ini termasuk pandangan juru perunding bebas dan telah berpuashati yang projek ini adalah berdaya maju dan seharusnya dilaksanakan bagi keuntungan negara.

Projek Hidroelektrik Bakun mengandungi dua komponen utama yang melibatkan:-

- (i) membina sebuah empangan Concrete Face Rockfill Dam, dengan izin, dengan ketinggian 205 meter dan mewujudkan sebuah takungan seluas 69,500 hektar bersamaan dengan 695 kilometer persegi. Komponen ini juga melibatkan pembinaan lapan unit janakuasa berkeupayaan 300 megawatt setiap satu yang akan menghasilkan keupayaan terpasang sebanyak 2400 megawatt; dan
- (ii) pembinaan talian penghantaran yang akan membawa bekalan elektrik 1,553 megawatt firm capacity ke Semenanjung. Ia termasuk:-
 - (a) tiga talian dasar laut. Setiap talian mengandungi 500 kilovolt. Panjangnya 650 kilometer setiap satu daripada Tanjung Datu di Sarawak ke Tanjung Tenggara di Johor;
 - (b) talian penghantaran overhead setiap satu sepanjang 675 kilometer di Sarawak daripada Empangan Bakun ke Tanjung Datu; dan
 - (c) talian penghantaran overhead dari Tanjung Tenggara ke Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun mempunyai banyak kelebihan.....

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: (Menyampuk)

Dato' Leo Moggie anak Irok: Saya tidak beri penjelasan, saya cuma hendak beri kenyataan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: (Menyampuk)

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tidak! Pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun mempunyai banyak kelebihan dan justifikasinya boleh dilihat dari beberapa aspek. Dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi negara melebihi 8% setahun di antara tahun 1996 ke 2000 dan 7.5% setahun bagi tempoh 2000 ke 2005, keperluan permintaan kuasa elektrik juga turut meningkat dengan pesat. Adalah diramalkan permintaan punca kuasa elektrik akan berkembang pada kadar 10.3%. Permintaan puncak untuk seluruh negara dijangka meningkat daripada 6,276 megawatt pada tahun 1995 kepada 10,448 megawatt pada tahun 2000 dan seterusnya dijangka mencapai 16,389 megawatt pada tahun 2005. Dari angka yang ditunjukkan jelas menunjukkan bahawa negara memerlukan tambahan bekalan elektrik. Penghantaran tenaga elektrik firm capacity sebanyak 1,553 megawatt dari Projek Hidroelektrik Bakun ke Semenanjung Malaysia hanya menyumbangkan 11.4% daripada permintaan puncak tenaga elektrik ke Semenanjung Malaysia pada tahun 2005. Dengan yang demikian, Projek Hidroelektrik Bakun hanyalah sebuah projek janakuasa tenaga di samping loji-loji janakuasa lain yang menghasilkan tenaga elektrik bagi menampung keperluan negara.

Di antara sumber-sumber kuasa elektrik negara yang berpotensi untuk dimajukan ialah kuasa hidro. Pada

ketika ini, sumber kuasa hidro elektrik berjumlah sebanyak 29,000 megawatt telah di kenal pasti. Dari jumlah ini, kira-kira 70% terdapat di negeri Sarawak. Kuasa elektrik dari sumber-sumber hidro ini merupakan sumber tenaga termurah yang boleh diusahakan untuk menampung sebahagian daripada permintaan kuasa elektrik yang meningkat. Memandangkan tempoh pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun adalah lebih kurang enam tahun, maka kerajaan telah menetapkan supaya usaha-usaha untuk melaksanakan projek ini dimulakan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar penggunaan empat bahan api (Four Fuel Policy), kerajaan juga berhasrat dalam jangkamasa panjang untuk mengurangkan penggantungan kepada penggunaan gas dan minyak sebagai bahan api utama untuk penjana kuasa elektrik. Pada masa ini kedudukan penggunaan sumber-sumber penjana menunjukkan bahawa gas menyumbang 59.6%, hidro 16.9%, arang batu 8.2% dan minyak 15.3% kepada jumlah penjana kuasa elektrik. Daripada statistik ini adalah jelas menunjukkan bahawa penjana kuasa elektrik di Malaysia sangat bergantung kepada bekalan gas dan minyak kira-kira 74.9% keseluruhannya. Penggantungan kepada bahan bakar gas dan minyak hendaklah dielakkan kerana gas dan minyak merupakan bahan bakar yang terhad. Permintaan terhadap gas dijangka akan meningkat dari 801 million standard cubic feet per day, dengan izin, pada tahun 1995 kepada 1,255 million standard cubic feet per day, pada tahun 2000.

Dengan mengekalkan generation mix, Tuan Yang di-Pertua, bagi gas di paras yang tinggi hampir 60%, maka

jumlah permintaan gas di sektor penjana kuasa akan meningkat kepada 1,512 million standard cubic feet per day pada tahun 2005. Gas juga boleh digunakan dalam sektor industri yang mempunyai nilai value-added yang tinggi. Selain daripada ini, penggunaan kuasa hidroelektrik adalah penting kerana ia akan membolehkan campuran penjana sektor kuasa elektrik menjadi lebih seimbang dan negara tidak akan bergantung terus kepada penggunaan arang batu sebagai sumber tenaga yang boleh membawa kepada risiko ke atas security of supply.

Tuan Yang di-Pertua, apabila potensi penjana hidroelektrik Bakun dicapai sepenuhnya, jumlah penjimatan dari segi bahan bakar adalah serupa dengan 3.2 juta tan liquified natural gas setahun. Jumlah ini adalah kira-kira 40% daripada jangkakan maksimum eksport tahunan LNG dari Bintulu di Sarawak ke negara Jepun dibandingkan dengan arang batu, penjimatan bahan bakar dari projek hidro elektrik ini adalah sama dengan 6.8 juta tan arang batu setahun. Apabila dibandingkan dengan bahan bakar minyak pula, penjana dari hidroelektrik Bakun adalah sama dengan 4.2 juta tan setahun atau kira-kira 85,000 tong minyak mentah sehari.

Menyentuh mengenai opsyen nuklear, kebanyakan dari analisa yang pernah dijalankan menunjukkan bahawa opsyen nuklear untuk penjana elektrik.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak berhajat hendak memberi jalan. Kita teruskan memberi kenyataan. Yang Berhormat itu mempunyai masa-masa dan tempat-tempat yang lain

boleh menyuarakan pendirian beliau sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Leo Moggie anak Irok: Menyentuh mengenai opsyen nuklear, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari analisa yang pernah dijalankan menunjukkan bahawa opsyen nuklear untuk penjanaan elektrik hanya boleh dipertimbangkan sekiranya kawalan pencemaran alam sekitar diperketatkan atau sumber tenaga lain semakin berkurangan.

Adalah menjadi dasar kerajaan kita sekarang supaya tidak menggunakan kuasa nuklear sebagai sumber penjanaan elektrik negara ini. Pembangunan empangan Hidro Bakun akan mewujudkan sebuah tasik seluas 69,500 hektar. Tasik ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan sebagai tarikan pelancongan berasaskan konsep eco-tourism. Pembangunan tasik hidroelektrik Bakun sebagai pusat pelancongan eco-tourism akan memberikan sumbangan yang besar ke arah pembangunan ekonomi Sarawak. Aktiviti-aktiviti pelancongan ini seterusnya akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Di samping itu projek ini juga akan menjadi pemangkin atau catalyst kepada penubuhan industri-industri serta perkhidmatan yang diperlukan semasa projek ini dibina. Penubuhan industri-industri ini dengan sendirinya juga akan dapat membantu mewujudkan tenaga pekerja terlatih yang diperlukan bagi mencapai objektif perindustrian negara.

Tuan Yang di-Pertua, laporan EIA bagi projek Bakun menunjukkan bahawa pelaksanaan projek ini tidak akan menjejaskan alam sekitar secara

serius. Empangan seluas 69,500 hektar yang akan wujud hanyalah merupakan kira-kira 0.55% dari keluasan negeri Sarawak. Sungguhpun keluasan yang terlibat ini sangat kecil tetapi kerajaan akan terus peka terhadap impak alam sekitar projek ini. Kelulusan yang diberi ke atas pelaksanaan projek ini bukanlah satu blanket approval, tetapi ia mengandungi beberapa langkah pemuliharaan alam sekitar atau environmental mitigation measures yang akan dijadikan syarat mutlak untuk dilaksanakan oleh pihak pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, projek Bakun ini akan melibatkan pemindahan seramai kira-kira 9,427 penduduk yang mendiami kawasan tersebut. Penduduk yang terlibat terdiri dari 5 suku kaum yang kebanyakannya terdiri daripada kaum Kayan dan Kenyah. Sehubungan dengan itu, satu kawasan penempatan semula telah dikenal pasti dan berkeupayaannya untuk pertanian telah dinilai. Satu rancangan penempatan semula penduduk berdasarkan konsep job-oriented telah disediakan. Rancangan ini adalah bertujuan ke arah meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk di mana kehidupan mereka akan terus bertambah baik dari satu generasi kepada generasi yang lain. Objektif penempatan semula penduduk di bawah rancangan ini adalah khusus untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Strategi penempatan semula ini adalah tertumpu kepada pembangunan ladang-ladang secara komersil. Rancangan penempatan semula penduduk akan juga meliputi penyediaan pelbagai kemudahan sosial seperti pembinaan rumah-rumah serta kemudahan-kemudahan lain seperti sekolah, hospital, gedung-gedung perniagaan dan lain-lain. Penempatan semula penduduk yang terlibat ke

sebuah kawasan dengan kemudahan-kemudahan sebagai sebuah bandar moden dan kegiatan ekonomi yang berkekalan akan memberi peluang kepada penduduk berkenaan untuk melibatkan diri di dalam arus pembangunan negara. Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, projek hidroelektrik Bakun ini akan menjadi catalyst ke arah penyusunan semula atau restructuring masyarakat luar bandar di Sarawak.

Kerajaan Persekutuan yakin bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai pengalaman dalam menangani isu penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat. Justeru itu Kerajaan Persekutuan telah menyerahkan tugas untuk menyelaraskan perkara ini kepada kerajaan negeri Sarawak. Di samping itu, kerajaan telah menerima baik maklum balas penduduk-penduduk yang menyokong penuh pembangunan projek ini. Walaupun demikian, kerajaan sentiasa peka terhadap masalah masyarakat tempatan yang terlibat dalam projek ini dan memuji inisiatif penduduk-penduduk tempatan yang telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Bakun ataupun Bakun Development Committee. Inisiatif ini adalah diterajui oleh pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan yang dapat melihat faedah-faedah jangka panjang projek ini. Adalah diharapkan Jawatankuasa Pembangunan Bakun ini akan berfungsi sebagai perantaraan dan hubungan di antara penduduk-penduduk tempatan dan kerajaan. Dalam menyelesaikan masalah masa depan penduduk-penduduk tempatan termasuk soal pampasan, ia hendaklah dilihat dari perspektif yang menyeluruh yang akan membawa faedah-faedah jangka panjang ke atas keadaan sosio ekonomi masyarakat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, projek Bakun merupakan pilihan kos yang terendah di dalam rancangan pembangunan sektor kuasa elektrik di Malaysia. Di samping itu, dengan menggunakan kuasa hidro penjanaan energy mix akan menjadi lebih seimbang. Kos bagi projek hidroelektrik ini dijangka akan meningkat jikalau pelaksanaannya terus ditunda. Mengikut kajian yang dijalankan masa optima bagi menyiapkan projek ini adalah tahun 2003. Oleh itu, usaha-usaha untuk melaksanakannya harus dimulakan pada masa ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menekankan sekali lagi bahawa keputusan melaksanakan projek ini adalah keputusan kerajaan yang diasaskan kepada beberapa kajian tempatan dan juga Bank Dunia yang telah mengesahkan Projek Hidroelektrik Bakun ini berdaya maju dari segi ekonomi dan teknikal. Kerajaan telah juga meneliti alternatif-alternatif penjanaan kuasa elektrik menggunakan sumber-sumber yang lain dan berpuas hati alternatif hidro ialah yang paling sesuai. Di samping itu juga selaras dengan dasar penswastan, sebuah konsortium swasta yang diketuai oleh Syarikat Ekran Berhad telah dilantik melaksanakan projek ini. Namun demikian, kerajaan akan terus mengawasi pelaksanaan projek ini sehingga ianya berjaya dibina. Sekian terima kasih. (*Tepuk*)

**UCAPAN TAKZIAH ATAS
KEMATIAN Y.B. TUAN P. PATTO
(BAGAN)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih, saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli Yang Berhormat yang telah meninggal dunia iaitu Yang Berhormat

mendiang Tuan P.Patto, Ahli Parlimen Bagan pada 12 Julai 1995. Saya bagi pihak Parlimen mengucapkan takziah kepada balu mendiang iaitu Puan S. Amalapova Mary dan keluarga mendiang. Bagi mengingati mendiang, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama 1 minit.

(Ahli ahli Yang Berhormat bertafakur selama 1 minit)

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PUTRAJAYA 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Putrajaya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi tahun 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN UNDANG- UNDANG ISLAM (WILAYAH- WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.04 ptg. -

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan

iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995 ini perlu diadakan bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.

Pindaan-pindaan perlu dilakukan agar ianya dapat mengatasi kekurangan dan kelemahan yang ada di dalam undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Undang-undang yang dicadangkan ini telah dikaji oleh suatu jawatankuasa penggubalan undang-undang yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa ini telah mengkaji dan meneliti peruntukan-peruntukan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan priority perlunya beberapa pindaan dibuat bagi memperkemas lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Seksyen 8A diperkenalkan bagi membolehkan Majlis menubuhkan syarikat bagi mengembangkan aktiviti ekonomi bagi tujuan mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Seksyen 58(2) adalah dipinda bertujuan untuk memperluaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie. Dengan adanya pindaan ini Ketua Pendakwa Syarie bukan sahaja boleh memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah, malahan boleh juga mem-

berhentikan sesuatu prosiding jika didapati perlu.

Seksyen 59 pula telah dipinda keseluruhannya di mana di dalam peruntukan ini di beri kuasa kepada Majlis untuk melantik mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan mengenai hukum syarak yang mencukupi menjadi Peguam Syarie bagi mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Di dalam mentadbirkan Peguam Syarie ini, Majlis dibenarkan untuk membuat kaedah-kaedah bagi tujuan mengawalselia, mengadakan prosedur-prosedur, kelayakan-kelayakan dan pembayaran apa-apa fee. Seksyen ini juga memperuntukkan pengecualian pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Kehakiman dan perundangan yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 dari memiliki Sijil Peguam Syarie.

Manakala Seksyen 102(2) pula dipinda bagi membetulkan kesilapan teknikal yang sedia ada pada peruntukan seksyen ini.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah diperkatakan adalah didapati bahawa pindaan-pindaan kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 adalah perlu dibuat bagi mengemaskinikan peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis

ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

4.08 ptg.

Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong pindaan Akta ini yang saya percaya ianya akan diluluskan oleh Parlimen, saya ingin mengingatkan pada Majlis Agama Islam supaya di dalam melaksanakan kuasa menubuhkan syarikat-syarikat supaya tidak lari atau tidak menyeleweng daripada lunas-lunas hukum syarak yang berteraskan kepada Al-Quran, Hadis, Ijmak Ulama dan Qias, kerana kita tahu bahawa harta atau wang yang ada di Majlis Agama Islam adalah terdiri daripada wang zakat atau wang Baitulmal.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan wang zakat telah pun jelas diterangkan oleh Allah S.W.T. Di dalam kitab suci Al-Quran, sebagaimana firmanNya yang bermaksud: "Bahawasanya zakat itu hanya untuk fakir miskin dan untuk amil, yakni pekerja-pekerja atau orang yang mengumpulkan harta zakat dan untuk orang-orang yang ditarik ke dalam Islam ataupun mereka yang baru masuk Islam dan untuk menebus

tawanan-tawanan perang, dan bagi mereka yang terjerat atau memikul hutang-piutang dan untuk jalan Allah, yakni jihad dan tujuan-tujuan kemasyarakatan seperti pendidikan dan kesihatan dan juga untuk orang-orang yang di dalam perjalanan, yakni dalam musafir."

Tuan Yang di-Pertua, supaya pelaksanaan Akta ini dapat berjalan dengan sebaik-baiknya, tiap-tiap syarikat yang hendak ditubuhkan yang menggunakan wang zakat mestilah dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Fatwa bagi menentukan wang tersebut tidak disalahgunakan atau digunakan secara yang sewenang-wenangnya atau di-selewengkan. Sekiranya ini berlaku, tindakan sewajarnya mestilah diambil. Sebagai contoh, seperti yang telah berlaku di negeri Johor, RM1 juta wang baitulmal lesap. Wilayah Persekutuan RM2 juta. Ini yang kita tahu. Yang lain-lain wallahu'alam.

Saya bersetuju Majlis menubuhkan syarikat bagi mengembangkan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi tujuan mempelbagai aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat Islam Wilayah Persekutuan tetapi mestilah dirujuk sama ada pelaburan tersebut atau penggunaan wang tersebut termasuk dalam salah satu asnaf yang lapan sebagaimana ayat yang telah saya bacakan tadi. Juga setiap pelaburan tersebut hendaklah selaras dengan hukum syarak sebagaimana yang terkandung di dalam kaedah Baitulmal (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) 1980.

Allah S.W.T. telah berfirman di dalam kitab suci Al-Quran yang bermaksud, "Tanyalah kepada orang-orang yang mengetahui, yakni orang-orang yang berilmu, sekiranya kamu

tidak mengetahui". Mudah-mudahan harta zakat atau baitulmal yang merupakan amanah daripada Allah S.W.T. dapat ditadbir dengan sebaik-baiknya menuju kepada jalan yang diredai oleh Allah S.W.T., insya Allah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Yan.

4.13 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana membentangkan Rang Undang-undang ini kerana ini adalah satu Rang Undang-undang yang menuju kejayaan dalam bidang ekonomi.

Dalam Islam sendiri, Tuan Yang di-Pertua pun faham, dan saya akan jelaskan sedikit demi sedikit kalau Yang di-Pertua tidak faham. Memang orang-orang Islam diseru supaya mempertingkatkan kehidupan ekonomi mereka supaya orang-orang Islam ini bukanlah menjadi orang fakir miskin. Dan dalam Islam ini kita tidak ingin melihat umat-umat Islam ini terdiri daripada orang fakir miskin dan kita perlu membela nasib mereka ini supaya mereka ini menjadi orang Islam yang bermaruah.

- Dengan penubuhan syarikat ini, insya-Allah, wang yang telah dilabur atau dihulurkan dengan ikhlas oleh orang-orang Islam yang berjaya dalam perniagaan, dalam pekerjaan mereka ini akan dapat kita laburkan pula dan hasil daripada keuntungan pelaburan ini akan kita salurkan untuk membangun dan membela nasib orang-orang Islam yang berada di tahap kemiskinan. Ini samalah dengan dasar

kerajaan hari ini untuk membela fakir-fakir miskin atau rakyat-rakyat yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, memang mudah kalau kita hendak menubuhkan syarikat tetapi untuk mentadbirkan sesebuah syarikat bukanlah semudah yang kita lihat di atas kertas.

Tuan Yang di-Pertua, manusia ini kadang-kadang apabila mereka melihat wang mereka akan lelap mata. Kadang-kadang serban sebesar manapun, bila lihat duit tenggelam. Tengok duit, tengok barang baik dan sebagainya, dia hilang. Jadi, saya mencadangkan kepada syarikat-syarikat yang hendak ditubuhkan ini supaya mereka yang kita pilih untuk menguruskan syarikat-syarikat ini mestilah terdiri daripada orang-orang yang benar-benar jujur dan ikhlas. Bukan dia mata duitan. Dia berjuang kerana Allah untuk melihat umat Islam di tanah air kita ini menjadi umat Islam yang benar-benar dapat membela nasib orang-orang miskin ini. Kita mahu juga syarikat-syarikat ini apabila mereka melabur, melaburlah di dalam bidang perniagaan yang halal. Jangan kita bersubahat dalam perkara-perkara yang tidak halal seperti kita melabur di dalam syarikat-syarikat yang berniaga arak, syarikat-syarikat yang mengadakan perniagaan judi atau melepak 'bunga' dan sebagainya kerana ini adalah kerja-kerja yang haram yang kita tidak boleh terlibat. Jadi, pelaburan kita hendaklah pelaburan yang sebersih-bersihnya kerana duit ini disumbang oleh orang dengan ikhlas kerana Allah dan mereka ini akan mendapat pahala. Di akhirat kelak, insya-Allah, mereka ini akan diletakkan di syurga.

Jadi, harapan orang yang membayar zakat ini untuk melihat wang yang mereka labur ini benar-benar memanfaatkan umat Islam yang susah.

Oleh yang demikian, saya amat-amat sungguh mengharap supaya pengurusan syarikat ini diberi kepada orang-orang yang berkaliber, orang-orang yang amanah. Kita tidak mahu dengar lagi, seperti baru-baru ini di Wilayah, disapunya duit syarikat untuk membeli saham. Kalau saya tidak silap dua orang yang terlibat. Ini saya baca dalam akhbar. Ini pun jenis serban besar juga tetapi bila tentang duit ini dia lupa. Jadi, inilah saya cukup bimbang. Penubuhan syarikat memang mudah tetapi pengurusannya itu memang sukar sekali dan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan bukan perkara yang mudah. Kadang-kadang investment kita tidak menjadi.

Oleh yang demikian, kita kena cari pakar-pakar ekonomi, penasihat-penasihat perniagaan, peguam-peguam yang berdua seperti Yang Berhormat dari Larut. Larut ini pun kadang-kadang celaru juga (*Ketawa*) – sahabat kita dan juga pakar-pakar nasihat tentang ekonomi ini kena ada dalam Lembaga Pengarah Syarikat ini, konsultan antarabangsa dan sebagainya. Kita jangan ambil hanya kumpulan kawan rakan. Kita kena letak orang-orang yang cerdik-pandai sebagai ahli Lembaga Pengarah supaya mereka ini apabila mereka berada di dalam Lembaga Pengarah Syarikat mereka memerhatikan pakar tentang perniagaan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan yang kita berniaga ini, kalau boleh janganlah perniagaan-perniagaan yang bersaing dengan orang lain, bersaing dengan bumiputera-bumiputera lain, bersaing dengan orang Islam yang lain. Cari perniagaan-perniagaan yang lain di peringkat antarabangsa, dengan tok-tok Arab yang kaya-kaya di Mekah, di Arab sana. Kita sebagai

sebuah syarikat Islam ini kita langkah kaki ke negara Timur Tengah, kita eksport barang-barang ke negara Arab. Di Arab itu, Tuan Yang di-Pertua, di Mekah itu semua barang import. Eksport tidak ada. Yang dieksport 'air zamzam' dengan daging unta sedikit sebanyak. Yang lain semuanya import.

Jadi, kita cari jalan bagaimanakah kita hendak menawan pasaran negara-negara Arab sebagai sebuah syarikat yang 'base'nya syarikat Islam ini. Banyak di negara-negara Arab, saya biasa melawat satu, dua negara Arab, saya tidak tengok langsung 'made in Iraq'kah atau 'made in Saudi'kah. Susah hendak dapat. Semua benda ini diimport. Oleh yang demikian, kita labur, kita eksport benda-benda ini ke negara-negara tersebut supaya mereka dapat menggunakan benda-benda ini dan kita mendapat manfaat. Kita usahasama dengan syarikat-syarikat di luar-luar negara. Ini yang perlu kita buat.

Jadi, saya sungguh berharap kalau boleh syarikat yang ditubuhkan ini, kita jangan terburu-buru sangat, jangan hendak buka terlampau banyak anak-anak syarikat. Kadang-kadang hari ini kita buka syarikat, esok kita hendak bukan tiga, empat, lima anak syarikat, kemudian kita hendak letak ahli-ahli Lembaga Pengarah, kemudian Lembaga Pengarah ini gaji mereka pula besar-besar, kereta besar-besar, berniaga tidak tentu fasal lagi, akhir-akhirnya 'ahlan-wasahlan', terlepas habis. Jadi, yang ini kita tidak mahu. Saya haraplah sungguh-sungguh, fasal yang ini berkait dengan imej Islam kita.

Sekarang ini bila kita tubuh syarikat, orang akan melihat orang Islam berniaga, orang Islam mengurus niaga, kerana Nabi Besar Muhammad s.a.w.

dia berniaga dahulu, ini saya hendak cerita. Rasulullah pun berkata, sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu adalah daripada bidang perniagaan. Makan gaji ini 1% sahaja, manakala sembilan peratus yang lain daripada bidang perniagaan. Oleh yang demikian, peluang untuk mencari rezeki dalam bidang perniagaan cukup banyak. Jadi, syarikat ini insya-Allah, dengan awasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini, orang yang berkualiti daripada menteri ini boleh jaga elok-elok syarikat ini supaya jangan syarikat ini terkubur, kerana ini adalah imej kita.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalaulah syarikat ini telah ditubuh, kita laburkan. Saya cadangkan macam di Mekah, kita cuba laburkan, bina hotel 'al-Malaysia' supaya bila jemaah haji kita pergi di sana kita ada tempat. Kondominium-kondominium kita usahasama dengan tok Arab. Mungkin di sana tok Arab dia tak beri kita bina kerana dia kena ada usahasama. Kita usahasama dengan tok Arab-tok Arab tersebut, kita bina syarikat-syarikat kita di sana supaya ini sahaja akan dapat membawa hasil kepada syarikat-syarikat ini.

Seorang Ahli: (Bangun)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sekejap lagi Yang Berhormat cakaplah. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan pindaan undang-undang ini. Hari ini saya tengok di mahkamah-mahkamah Syariah ini-pertamanya, kita kena beri elok mahkamah Syariah ini. Mahkamah Syariah ini nampak cukup daif. Kadang-kadang tuan hakim hendak duduk di atas pun tidak layak dengan keadaan mahkamah yang tidak begitu sesuai dan sebagainya. Jadi, kalau kita hendak pinda itu, hendak pinda ini boleh, tetapi

biarlah suasana mahkamah itu selesa. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, hendak kena tunggu, pakat dengan mahkamah, lepas Mahkamah Rendah bersidang barulah Mahkamah Syariah masuk. Barulah masuk tok kadi hendak berbicara. Kemudian, di pejabat-pejabat kita tengok kadang-kadang di situlah bilik kadi, di situlah kita hendak berbincang kes cerai-berai, habis kerani-kerani pejabat dengar. Kes cerai-berai macam-macam. Bila datang kes nafsu yang jam malu hendak cerita. Tetapi benda ini kenyataan. Ini kenalah buat tempat yang sesuai. Jadi, saya mintalah Mahkamah Syariah yang mentadbirkan undang-undang ini supaya kita pertingkatkan. Maruah hakim-hakim mahkamah Islam ini kita letak di tempat yang sewajarnya bagi orang tengok mereka ini gerun, macam kita tengok tok hakim-tok hakim sekarang ini supaya kalau kita tengok tok hakim Mahkamah Syariah ini pun kita hormat padanya. Ini sekarang kita tengok 'loi-loi', Tuan Yang di-Pertua. Orang Kedah kata 'loi-loi' dia loi macam tu, dia tak kemas, very loose, that is the word, correct.

Jadi, saya minta kita hendak buat undang-undang macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya melihat benda ini, kerana negara kita negara Islam. Jadi, kita kena letakkan tok kadi, hakim-hakim Islam di tahap yang paling tinggi, sama taraf dengan tok hakim-tok hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan hari ini. Kalau tidak, kita pinda macam mana pun beri kuasa pada dia pun, kalau tempat dia hendak menghakimi itu pun daif, teruk, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat taklah sesuai.

Kemudian sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kes-kes cukup banyak. Kes

khalwat kelim-kabut, gawat, rata tempat. Ada one to one, one to three semua ada. Ini pula budak-budak sekolah pun terlibat dengan kes khalwat, dalam bilik sekolah pun dah jadi. Jadi, macam-macam sudah berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun naik susah hati. Saya minta Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, sarang-sarang tempat maksiat di Kuala Lumpur semua orang pun tahu. Kita tahu, saya boleh tunjuk, bukan saya pergi, tetapi saya memang tahu. (*Ketawa*) Nak pergi apa tempat macam itu, hak kita di rumah pun sudah elok. Tempat-tempat ini ada, pasal apa tak boleh ambil tindakan. Macam Lorong Haji Taib semua orang tahu, Bukit Bintang Road semua orang tahu, flat-flat semua orang tahu. Fasal apa Majlis Agama Islam tak boleh bertindak pergi tangkap. Gamak tak berani bawa saya pergi sama, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tolong tangkap ataupun saya bawa tunjuk tempat-tempat ini. Kepong mereka semua. Kita sudah tahu benda berlaku dalam Wilayah Persekutuan, tetapi kita biar. Yang ini tak bolehlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Menteri di Jabatan Perdana Menteri tolong nasihat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bertindak dengan tegas. Kalau kita boleh tangkap orang-orang di laut, yang di atas darat tak boleh tangkap, fasal apa. Nelayan pergi ke laut dia terlajak boundry masuk ke kawasan orang lain, merin tangkap, yang atas darat buat macam-macam kita tak boleh tangkap, ini peliklah. Depa bukan hendak lari ke mana.

Jadi, pindaan yang kita sudah buat, beri kuasa kepada tok hakim Mahkamah Syariah ini bagus. Cuma saya minta perkemaskan pejabat-pejabat Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri. Kita selaraskan pentadbiran

Majlis Agama Islam negeri ini. Kadang-kadang kita beri pada negeri, mereka tadbir tidak kena. Mereka tak mengerti pentadbiran. Saya cadangkan supaya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, selaraskan di seluruh tanah air kita ini supaya kita dapat memperbaiki syiar Islam ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua saranan saya pada petang ini, dan saya berharap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil tindakan sewajarnya. Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, maksiat ini perlu kita hapuskan. Perkara maksiat ini kalau kita tidak hapuskan, kita pula jadi menteri, kita bersubahatlah, nanti dosa, kita kena sama. Saya hendak peringat samalah. Kalau kita tidak tegur, kita kena sama, Tuan Yang di-Pertua. Saya lepaslah hari ini, pasal saya sudah tegur. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

4.27 ptg.

Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1995. Asas sokongan saya pada petang ini ialah menyatakan bahawa bidang kegiatan ekonomi ataupun perniagaan masa kini sangatlah luas dan sesuaiilah peluang ini diambil oleh agensi jabatan agama yang sepatutnya telah pun memulakan perkara ini lebih awal lagi. Seperti yang disebut oleh saudara saya Yang Berhormat dari Yan bahawa sembilan daripada sepuluh punca rezeki ialah perniagaan. Maka dengan sendirinya

sama ada Baitulmal, zakat dan sebagainya perlu memulakan lebih awal lagi. Walau bagaimanapun, ini bukanlah perkara yang terlewat. Saya percaya peranan Majlis Agama Islam dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam melalui aktiviti-aktiviti ekonomi perniagaannya akan dapat membantu mempercepatkan usaha kerajaan untuk meningkatkan penglibatan orang-orang Melayu, orang-orang Islam dan juga mualaf-mualaf.

Penglibatan dalam aktiviti perniagaan secara langsung adalah dengan penubuhan ataupun dikawal oleh Akta Syarikat 1965. Saya percaya Majlis dengan secara langsung akan dapat menambah dan meluaskan penglibatan umat Islam dalam aktiviti perniagaan melalui syarikat-syarikat Majlis yang menceburi dalam pelbagai bidang sepertimana yang disebutkan tadi, sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri secara halal. Dengan penglibatan ataupun penubuhan syarikat Majlis juga akan dapat menjadi sebagai pelopor ataupun pencetus ataupun sebagai payung bagi mendorong kepada umat Islam dalam bidang-bidang perniagaan tertentu, terutama sekali yang melibatkan modal yang besar.

Selanjutnya pengurusan syarikat-syarikat majlis hendaklah berlandaskan kepada prinsip-prinsip Islam dan ianya memerlukan kejujuran, ketelusan bagi mengelakkan supaya ianya tidak disalah tadbir dan berlaku penyelewengan.

Kawalan dalaman ataupun, dengan izin, internal control terutama sekali bahagian perakaunan/kewangan, hendaklah diadakan dan diperketatkan lagi dan ianya hendaklah diuruskan oleh golongan profesional, berpengalaman supaya syarikat-syarikat majlis tidak

menanggung kerugian dan penyelewengan tidak berlaku.

Aktiviti perniagaan berbentuk pendidikan, latihan, teknikal dan profesional perlu diperbanyakkan supaya ianya dapat menambah bilangan umat Islam dalam bidang profesional dan teknikal. Dan juga untuk melahirkan usahawan Islam yang mampu menjalankan perniagaan secara Islam. Penglibatan majlis juga akan dapat menerapkan nilai-nilai Islam melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan dan diuruskan secara Islam. Dan dengan secara langsung akan dapat memperteguhkan institusi Islam dalam bidang muamalah dan meletakkan Islam sebagai, dengan izin, a complete way of life.

Adalah juga diharapkan dengan penubuhan syarikat-syarikat di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, syarikat-syarikat perniagaan ini tidak akan memberi persaingan sepertimana yang disebutkan oleh wakil dari Yan tadi kepada syarikat-syarikat Islam yang lain, yang sedia ada dan tidak akan menjejaskan pembangunan usahawan Islam dan peranan majlis adalah sebagai 'complementary' dan bukan untuk 'compete' atau 'substitute', dengan izin, dengan syarikat-syarikat Islam yang sedia ada.

Menyentuh mengenai kelayakan Peguam Syariah. Peguam-peguam yang akan mengendalikan kes-kes sepatutnya terdiri daripada mereka yang berkelayakan, bertauliah dalam bidang syarie dan hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran atau kelulusan daripada pihak mahkamah atau badan-badan sepertimana Majlis Peguam yang menentukan keahlian atau pengiktirafan.

Keduanya, peguam berkenaan bukan sahaja berkelayakan dari segi

kelulusan, tetapi juga mesti mengetahui agama Islam secara mendalam supaya ianya tidak timbul perkara sensitif dan prasangka ketika menjalankan tugas. Satu badan yang akan menentukan kelulusan pengetahuan, kelayakan yang mengendalikan pendaftaran, prosedur, pengamalan dan sebagainya ini hendaklah ditubuhkan dengan segera. Dan badan ini hendaklah di beri kuasa dan ditubuhkan di bawah Akta Parlimen.

Majlis Guaman Syarie ini berke-wajipan membimbing, mengawalselia dan menguatkuasa etika Peguam Syarie.

Sebagai akhirnya saya ingin menyeru kepada alim ulama, cendikiawan, ahli politik, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri agar mengambil pindaan ini dan diterima pakai bagi negeri-negeri di seluruh negara. Dan kalau boleh lebih baik lagi, lebih afdal lagi, kita perlu mengasaskan satu undang-undang ataupun satu akta pentadbiran undang-undang Islam negara supaya ianya ada uniformity, dengan izin, keseragaman bagi seluruh negara. Dan dengan ini, kita menganggap agama rasmi negara sebagai agama Islam, ahli sunnah wal jamaah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tambun.

4.35 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Seksyen 8A. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha Majlis Agama Islam untuk meminda Seksyen 8A ini. Saya percaya ia wujud daripada opportunity yang ada. Saya faham bahawa Majlis Agama Islam adalah badan amanah kepada tanah-tanah wakaf. Dan dengan tujuan

untuk membangunkan tanah wakaf ini terdapat keperluan untuk menubuhkan syarikat supaya individu atau pengurusan yang profesional dapat membangunkan tanah-tanah wakaf tersebut.

Ia juga terbit daripada keperluan untuk menambahkan tabung untuk aktiviti-aktiviti Majlis Agama Islam. Sebagai contoh, saya ingin memberitahu Parlimen tentang Majlis Agama Islam Negeri Perak. Pada masa lalu, Majlis Agama Islam Negeri Perak membangunkan tanah wakaf dan kegiatan ekonomi melalui majlis. Oleh kerana pegawai-pegawai di majlis tidak mempunyai kebolehan untuk membangunkan usaha-usaha ekonomi, maka kegiatan-kegiatan ekonomi tidak dapat dimaksimumkan. Dengan sebab itu, Majlis Agama Islam Negeri Perak telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak. Hasil daripada itu, banyak usaha-usaha dibangunkan dari segi pembangunan ladang, pemilikan saham dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Agama Islam di atas usaha yang telah dijalankan oleh pihak Majlis Agama Islam untuk meminda Akta bagi membolehkan majlis untuk menubuhkan syarikat. Saya amat faham bahawa pihak Majlis Agama Islam sememangnya telah mempunyai beberapa buah syarikat dan ada di antaranya yang berjaya dan ada diantaranya tidak berjaya.

Saya berharap melalui penubuhan syarikat nanti, usaha-usaha akan dapat dijalankan untuk memperkukuhkan ekonomi umat Islam sebagaimana yang dikehendaki. Kita sedar bahawa dalam tahun Hijrah ke-2 Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan umat Islam untuk mendirikan suk al-Madinah iaitu

pasar bagi umat-umat Islam yang pada masa itu ekonomi di Madinah dikuasai oleh orang-orang Yahudi. Dalam tempoh beberapa tahun selepas itu, umat Islam telah berjaya untuk menguasai ekonomi Madinah. Dalam beberapa abad kemudian daripada abad ke-8 hingga ke-14, Oswald Spencer dalam bukunya telah menyatakan bahawa 'The Muslims were in command..' iaitu pada masa itu umat Islam menguasai ekonomi dunia, pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dunia terletak di bandar-bandar umat Islam. Kejayaan umat Islam masa lalu menjadi motivasi kepada umat Islam zaman kini, moga-moga umat Islam di negara kita juga dapat menikmati ekonomi yang lebih tinggi daripada sekarang.

Saya mendapat makluman daripada perbincangan-perbincangan yang lalu bahawa bumiputera negara ini hanya menguasai 22% daripada ekonomi negara. Dengan adanya usaha oleh Majlis Agama Islam ini, akan menjadi penggerak bukan sahaja di Wilayah malahan di seluruh negara kepada umat Islam mempertingkatkan usaha-usaha ekonomi agar dapat meningkatkan dan menambahkan penguasaan ekonomi umat Islam dan bumiputera di negara kita ini.

Saya melihat salah satu penghasilan yang dapat terbit dari pindaan seksyen ini adalah ke arah untuk memperkukuhkan sistem ekonomi Islam di negara kita. Kita sedar sekarang wujud sistem kewangan Islam, tetapi ia belum kukuh lagi. Kita masih lagi belum mempunyai 'The Islamic money market' dan sebagainya.

Dengan adanya pindaan ini, ia mula menjadi penggerak ke arah untuk kita mengadakan satu sistem ekonomi Islam yang lebih kukuh. Dengan adanya sistem ekonomi Islam yang lebih kukuh,

ia akan dapat bersaing dengan sistem ekonomi yang ada sekarang. Dan kita percaya, melalui persaingan tersebut negara kita akan lebih lagi kuat dari segi ekonomi. Saya juga ingin menyentuh tentang satu perkara yang menjadi keraguan saya iaitu tentang penubuhan syarikat ini nanti iaitu tentang tanggungan ke atas syarikat ini nanti. Saya difahamkan apabila kita menubuhkan syarikat pihak Majlis akan mengeluarkan modal ataupun ekuiti untuk syarikat tersebut dan untuk syarikat berkembang ia perlu mendapat modal tambahan, sama ada melalui peruntukan tambahan daripada Majlis Agama Islam ataupun meminjam daripada bank-bank. Adakalanya pihak bank akan meminta Majlis Agama Islam untuk memberi jaminan ke atas pinjaman-pinjaman daripada syarikat tersebut. Jadi, saya berharap bahawa penubuhan syarikat ini tidak akan menjadi satu tanggungan besar kepada Majlis Agama Islam, apatah lagi dalam dunia perniagaan di mana risiko amat besar. Ada kemungkinan bahawa dalam penubuhan anak-anak syarikat ini nanti, ada syarikat-syarikat yang akan rugi dan bagaimanakah nanti Majlis Agama Islam hendak menghadapi suasana ini.

Saya ingin menyentuh pula tentang pindaan kepada Seksyen 58(2) dan Seksyen 59. Saya yakin dengan pindaan ini akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan Mahkamah Syariah. Saya bersetuju dengan rakan-rakan saya bahawa sistem ataupun undang-undang Islam di negara kita ini perlu diseragamkan. Ia tidak seharusnya tertakluk kepada negeri masing-masing dan kita percaya bahawa Mahkamah Syariah di seluruh negara harus disatukan di bawah satu kuasa dan di bawah satu pentadbiran. Berhubung dengan Mahkamah Syariah ini, saya percaya juga

bahawa pihak Majlis akan berusaha dari masa ke masa untuk mempertingkatkan kepakaran pegawai-pegawai dan hakim-hakim di Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara, sama ada ianya relevan atau tidak di dalam Parlimen ini, tetapi sekiranya ia boleh saya bincangkan, saya berharap mendapat kelulusan daripada Tuan Yang di-Pertua. Di negeri Perak ada satu kes mengenai dengan kes Mariam. Mariam menyatakan bahawa beliau adalah seorang nabi. Saya membawa perkara ini kerana ia ada kaitan dengan kepakaran pegawai-pegawai Mahkamah Syariah. Kes Mariam ini bermula lebih kurang 10 tahun lalu. Apabila dia kecewa dengan seorang lelaki, secara psikologi dia tertekan. Setahun selepas itu ada satu suara yang datang yang sentiasa berdamping dengan Mariam dan suara ini dari semasa ke semasa cuba untuk membantu Mariam dari segi agama dan sebagainya. Sejak beberapa tahun yang lalu sehingga wanita ini menjadi seorang yang boleh mengubat orang melalui suaranya – iaitu arah dari suara itu. Kemudian, kepakarannya semakin meningkat sehinggakan dia boleh menulis buku. Beliau telah menerbitkan beberapa buku yang tidak dicetak kerana mungkin dia beroperasi secara seorang diri. Apabila kes ini di bawa ke Mahkamah Syariah kes ini ditolak di atas sebab teknikal. Jadi, tidak ada kesudahan di dalam kes ini. Saya nampak bahawa dalam kes ini yang melibatkan kuasa ghaib, ia bukan sekadar hendak mengubat Mariam ini dengan menggunakan Akta ataupun Mahkamah, tetapi mesti dilihat daripada konteks dan sudut yang lain, kerana beliau sebenarnya bukan individu biasa macam kita, yang menggelarkan

dirinya sebagai nabi, tetapi kerana ia telah dipengaruhi oleh suatu suara. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ini? Sekiranya beliau dihukum sekalipun saya merasakan bahawa beliau tidak bersalah, kerana yang bersalah itu ialah suara yang menguasai beliau. Jadi, saya yakin pihak Majlis Agama Islam akan mengambil tindakan untuk meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai dan hakim-hakim di Mahkamah Syariah. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pengkalan Chepa.

4.47 ptg.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, sebarang pindaan yang dibuat kepada mana-mana Akta dengan tujuan untuk memperkemas Akta tersebut dan memperbaiki sebarang "loopholes" ataupun kekurangan yang ada dalam Akta itu adalah satu perkara yang dialu-alukan. Memandangkan juga kepada perkembangan ekonomi yang ada pada hari ini, kita menerima hakikat bahawa umat Islam juga perlu merebut peluang yang ada di dalam bidang ekonomi. Walau bagaimanapun kita melihat kepada cadangan pindaan kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan lebih jauh daripada itu kerana dari pandangan kita seolah-olah pindaan ini dikemukakan bukan hanya untuk memperkemas kekurangan-kekurangan yang ada dan bukan sahaja untuk mempertingkatkan pencapaian ekonomi umat Islam, tetapi nampaknya ia juga dibuat adalah untuk melindungi salah guna kuasa dan penyelewengan yang berlaku dalam

pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan beberapa ketika yang lalu.

Berdasarkan kepada laporan-laporan akhbar yang dibuat, ketara kepada kita bahawa dalam beberapa tempoh yang lalu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menubuhkan beberapa buah syarikat tanpa melalui peraturan dan tanpa mengambil kira peraturan-peraturan yang ada. Syarikat seperti Syarikat Zinis Industri yang mengeluarkan bateri, kemudian syarikat Pasaraya Baitulmal dan juga Pusat Rawatan Islam serta beberapa buah syarikat yang lain yang mana hampir keseluruhan syarikat-syarikat ini mengalami kerugian yang melibatkan puluhan ribu ringgit walaupun tidak juta. Jadi, seolah-olah perkara ini dibuat untuk mengesahkan salah laku dan juga salah gunakan kuasa yang telah dibuat oleh pentadbiran yang lalu. Oleh kerana itu berasaskan daripada pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan sendiri, kita merasakan tindakan perlu diambil kepada mereka yang terlibat dalam salah guna kuasa dan penyelewengan ini tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka. Bukan sahaja orang yang terlibat di dalam penyelewengan wang RM2 juta itu dibawa ke Mahkamah, tetapi orang lain yang lebih atas yang bertanggungjawab meluluskan pelaburan tersebut juga sepatutnya menerima risiko ataupun menerima tanggungjawab daripada kesilapan yang dilakukan.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan bahawa sebarang pelaburan ataupun sebarang usaha penubuhan syarikat hendaklah dibuat dengan mengambil kira pandangan-pandangan syarak dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan

oleh Mufti. Sesuai dengan pandangan ini kita meminta pihak kerajaan supaya menilai semula penubuhan syarikat Harta Suci yang bertanggungjawab untuk mengutip zakat Wilayah Persekutuan kerana mengikut maklumat yang ada pada kita, syarikat Harta Suci ini ditubuhkan tidak melalui peraturan dan oleh kerana perkara ini melibatkan salah satu ibadah umat Islam, iaitu pengeluaran zakat, sekiranya Syarikat Harta Suci ini ditubuhkan tidak melalui cara yang betul dan kita juga meragui bahawa dari segi hukumnya adakah sah sebuah syarikat diberikan kebenaran untuk memungut zakat kerana setakat pembacaan saya yang terbatas, perkataan 'wal-a'milin-wa'alaiha' di dalam ayat yang dibaca itu ditafsirkan kepada individu-individu.

Setakat ini yang saya tahu belum ada pandangan ulama yang membenarkan syarikat melaksanakan tanggungjawab untuk mengutip zakat tersebut dan sekiranya penubuhan Syarikat Harta Suci ini tidak sah dari segi hukum syarak, bermakna pengeluaran zakat yang dilakukan oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan juga diragui kesahihannya dan apabila keadaan ini berlaku, tentulah menimbulkan masalah yang banyak kepada umat Islam kerana perkara ini melibatkan salah satu daripada ibadah dan tanggungjawab rukun Islam mereka kepada Allah S.W.T.

Oleh kerana itu, saya mengulangi sekali lagi supaya pihak kerajaan menilai semula penubuhan Syarikat Harta Suci dan menjelaskan kedudukan syarikat ini dari segi hukum kepada umat Islam yang ada di Wilayah Persekutuan supaya mereka tidak berasa ragu dalam melaksanakan salah satu daripada tanggungjawab mereka kepada Allah S.W.T.

Menyentuh tentang pindaan kepada Seksyen 59, perkara ini berkaitan juga dengan masalah mahkamah syariah. Mengambil kesempatan yang ada pada hari ini, kita suka mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengambil usaha yang berterusan dan lebih serius untuk meningkatkan taraf dan kedudukan mahkamah-mahkamah syariah, sekurang-kurangnya biarlah setara ataupun sama dengan kedudukan mahkamah-mahkamah sivil yang ada di dalam tanah air kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bagan Serai.

4.51 ptg.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagan Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berbahas di atas pemindaan Akta Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan.

Pada hari ini, kita sama-sama dapat melihat bahawasanya Wilayah Persekutuan ada satu pusat pembangunan yang sangat pesat dan terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah bandar yang meningkat maju, dengan menaranya yang baru dibangun tertinggi di dunia. Ini juga mencerminkan kemampuan sebuah negara Islam untuk beserta di arena antarabangsa dengan teknologi dan juga kepakaran dan juga bidang-bidang ekonomi yang lain.

Bagi saya, pindaan Seksyen 8A bagi membolehkan Majlis menubuhkan syarikat bagi mengembangkan aktiviti ekonomi bagi tujuan mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat Wilayah Persekutuan sudah kena pada tempatnya memandangkan di Wilayah Persekutuan sudah ramai bilangan masyarakat Islam yang

menceburi bidang perniagaan dan bidang-bidang ekonomi yang lain yang memungkinkan mereka bergiat di dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan Majlis Agama Islam sebagai induk ataupun tempat di mana umat Islam boleh meminta bantuan dan juga minta panduan dan pandangan, maka sudah sewajarnya penubuhan syarikat-syarikat ini berkembang dengan lebih pesat lagi.

Satu hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang menggalakkan umat Islam mengambil peranan yang penting di dalam perniagaan dengan hadisnya yang bermaksud, "Hendaklah kamu berniaga, maka dalam perniagaan itu ada 9/10 daripada rezeki manusia". Jadi, kalau mengikut roh Islam dan juga ajaran yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan juga beliau di dalam hidupnya sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya.

Saya percaya kita tidaklah meminta daripada Nabi. Orang-orang dahulu tidak pernah minta projekkah ataupun bantuan kewangan daripada Nabi tetapi kata-kata hadisnya itu sudah pun menjadi pakaian umat Islam. Cuma kecuali sekarang ini ada orang anti-hadis. Saya pun pelik juga. Di dalam masyarakat kita sekarang ini yang sudah terasa agak pandai sedikit, sudah ada orang yang tampil ke muka-anti-hadis. Jadi, macam mana boleh jadi seorang pengembang agama seperti Nabi itu dia seolah-olah tidak bercakap. Hadis itu adalah cakapan Nabi yang dipakai oleh penganut-penganut agama Islam. Jadi, ini satu kumpulan orang yang ingin memesonkan penganut agama Islam. Ini patutlah diambil tindakan di bawah seksyen 59 nanti iaitu mahkamah syariah.

Walau bagaimanapun, saya sangat setuju di atas pesanan Nabi tadi supaya

kita bergiat di dalam perniagaan dan penubuhan syarikat-syarikat ala zaman sekarang mengikut perubahan, tidak serupalah pada zaman Nabi dahulu dengan zaman sekarang kerana ada perubahan. Walau bagaimanapun, para alim ulama, mufti boleh melihat dan membuat isytihad iaitu memastikan bahawasanya apa-apa syarikat yang ditubuhkan oleh umat Islam, berbagai-bagai bentuk dan rupa dan berbagai-bagai kegiatan. Boleh dikatakan 1001 macam syarikat boleh ditubuhkan mengenai perniagaan sekarang ini dan sekarang juga kita ingin melihat bahawasanya orang Islam juga bergiat di dalam 'high technology', kegiatan teknologinya lebih canggih, bukan sekadar membuat perkara-perkara yang mudah-mudah sahaja, bahkan kita harus pergi sampai membuatkan kapal terbang atau membina kapal laut. Sepertimana di dalam Al-Quran juga ada menyebutkan bahawa adanya kapal-kapal dan berbagai-bagai lagi di dalam kegiatan yang sekarang ini saya rasa orang-orang Islam harus mempunyai kesedaran lebih-lebih lagi di dalam negara kita yang mana ajaran-ajaran ini telah pun mula menyerap ke dalam jiwa orang-orang Islam dan di kalangan peniaga-peniaga saya pun sangat kagum dan biasa mendengar peniaga orang Islam sudah mula membayar zakat dengan lebih aktif bahkan ada yang membayar, saya dengar sampai RM1 juta kepada Majlis Agama Islam.

Di negeri Perak juga saya dapati ramai juga orang-orang yang datang ke Jabatan Agama bersendirian membayar zakat. Jadi, di dalam Majlis Agama Islam, kumpulan wang memang banyak. Saya tidak tahulah berapa banyak tetapi senangnya untuk memulakan sesuatu syarikat tidaklah payah.

Yang kita harapkan, apabila sebuah syarikat ditubuhkan maka orang yang mengendalikan ini hendaklah daripada orang yang betul-betul amanah dan betul-betul beriman dan percaya kepada roh Islam yang ingin memajukan perniagaan di dalam dunia sekarang ini. Sekarang mungkin syarikat-syarikat ini boleh bergiat di dalam bidang-bidang menubuhkan pasar raya dan juga bidang-bidang pembuatan industri dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga sekiranya kegiatan yang ada berlaku di Wilayah Persekutuan ini boleh berkembang ke negeri-negeri yang lain sebagai contoh kerana di sini banyak kepakarannya, maka elok sangatlah ia bukan sahaja di dalam bandar bahkan masuklah ke kawasan-kawasan luar bandar.

Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana saya melihat sendiri di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan luar bandar, banyak perusahaan di dalam bidang pertanian-umpamanya tanaman padi, apabila hasil padi mula menguning, maka yang mengambil buah padi itu ialah daripada syarikat-syarikat yang kadangkadangkang tidak ada kait-mengait dengan penanam padi. Di sini juga saya rasa Jabatan-jabatan Agama melalui Baitulmal patut mengadakan syarikat-syarikat untuk mengambil hasil buah padi, setidak-tidaknya dengan jentera-jentera yang sekarang ini ada di merata-rata iaitu penuai padi dan berbagai-bagai lagi. Ini satu perkara yang kita patut ambil perhatian.

Seterusnya masuk pula ke bidang kilang-kilang padi umpamanya, walaupun syarikat bermula daripada Wilayah Persekutuan, saya percaya, tidak mustahil syarikat-syarikat ini boleh turut sampai ke kawasan-kawasan penanam padi di mana kilang-kilang padi boleh diambil alih di mana-mana

kilang-kilang padi yang hendak dijual atau hendak dimajukan balik – itu saya rasa banyak terdapat sekarang ini.

Seterusnya – itulah banyak perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh syarikat-syarikat. Saya tidak mahu syarikat-syarikat ini terbatas daripada bergerak. Biarlah ditubuhkan berbagai-bagai syarikat dan melaksanakan kerja-kerja-mungkin di dalam bidang mencuci pakaian sahaja pun atau dobi yang mana saya rasa sangat terhad di kalangan orang Islam yang membuat kerja-kerja ini. Pada hal, pembersihan secara Islam memang dititikberatkan sepertimana kehendak Nabi, (*Sambil membaca sepotong ayat Al-Quran*) “kebersihan itu daripada iman” – iaitu melaksanakan kepercayaan kita kepada Tuhan.

Jadi kita pun kadang-kadang rasanya susah juga hendak mencari kedai-kedai dobi dan kedai membersihkan pakaian serta perkara-perkara yang lain lagi di kalangan orang Islam. Ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang perniagaan ini saya rasa sudahpun banyak di kalangan orang-orang Islam, cuma keyakinan belum cukup dan juga modal-modal belum lagi berada di kalangan orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen 58(2) iaitu bertujuan untuk memperluaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie ini, saya sukalah memberi perhatian yang berkenaan dengan keadaan mahkamah-mahkamah syariah ini. Saya rasa di merata-rata tempat belum mempunyai cukup kemudahan dan juga mempunyai kakitangan yang secukupnya. Di dalam bidang ini, kita haruslah memberikan keutamaan supaya mahkamah syariah ini dapat menjalankan tugasnya, lebih-lebih lagi sekarang ini ramai anak-anak orang Islam yang berhijrah ke kawasan

Wilayah Persekutuan ini mencari kerja dan oleh kerana mereka berjauhan dengan keluarga mereka, maka mereka kadang-kadang sudahpun kurang mengambil perhatian dari segi disiplin diri di dalam pergaulan dan terlibat dengan pergaulan yang bebas dan ramai juga orang yang datang ke Wilayah Persekutuan untuk menjalankan kerja-kerja yang berbentuk maksiat yang perlu kita ambil perhatian.

Maka sebab itu, mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan mestilah menjadi mahkamah yang menjadi sample atau contoh kepada mahkamah-mahkamah yang lain kerana di sini saya nampak banyak berlaku gejala-gejala yang tidak sihat yang perlu diambil tindakan secara undang-undang.

Jadi inilah kita dengar berita-berita yang tersiar sekarang ini – kepada kita kadang-kadang ada juga rasa memalukan kita walaupun ajaran kita melarang orang membuat perkara-perkara yang maksiat, tetapi diberi kesempatan, kadang-kadang terjebaklah orang-orang ini yang dahulunya nampaknya cukup baik, kadang-kadang di tempat yang lain yang tertentu, tetapi di tempat yang orang tidak nampak dia umpamanya, maka kerja-kerja yang tak berapa elok itu kadang-kadang dia terlibat juga. Kita harap pihak Wilayah Persekutuan mempunyai cukup kakitangan-pendakwa syarie supaya kes-kes seperti ini dapat dijalankan dengan segera dan diselesaikan.

Saya rasa bagi diri saya, itu sahajalah yang saya ingin menyertai dalam perbincangan ini. Maka saya mohon menyokong akan pindaan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.07 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman (Parit Buntar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1995 ini.

Saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap sebelum saya bahawa pindaan yang diminta ini sudah kena pada tempatnya, terutama sekali bagi Seksyen 8A yang membolehkan Majlis menubuhkan syarikat bagi mengembangkan aktiviti ekonomi bagi tujuan mempelbagaikan aktiviti ekonomi untuk kesejahteraan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Sepertimana yang dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bercakap sebelum saya, dalam masa ekonomi kita yang berkembang dengan begitu canggih, kita membuat peringatan sedikit, supaya apabila syarikat-syarikat ini ditubuhkan nanti, Majlis hendaklah memastikan supaya ia dikendalikan, bukan sahaja oleh orang-orang yang sepertimana yang disebutkan tadi—yang amanah dan beriman, tetapi yang penting, saya rasa ialah yang mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan.

- Sebab, dalam keghairahan masa kini di mana semua orang bercakap tentang penyertaan dalam bidang korporat, kita jangan lupa bahawa bidang ini juga mempunyai risiko, yang kalau tersalah, mungkin membawa akibat yang buruk. Jadi, kita hendaklah berhati-hati dan kita berharap orang-orang yang dilantik untuk mengendalikan syarikat-syarikat ini nanti, disamping orang-orang yang beramanah,

hendaklah juga merupakan orang-orang yang pakar dalam bidang perniagaan, supaya peristiwa-peristiwa yang lalu, sepertimana yang telah ditimbulkan, seperti kes yang berlaku pada awal tahun ini di mana Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan sendiri telah terlibat dalam usaha-usaha pembelian saham spekulatif yang akhirnya telah mengakibatkan kerugian yang amat besar.

Di samping itu, kita juga sering terbaca, berbagai-bagai agensi-agensi kerajaan yang melibatkan diri dalam bidang perniagaan ini turut menghadapi kerugian. Jadi, semua peristiwa ini hendaklah dijadikan iktibar supaya kita dapat mengelakkan diri daripada berlaku di Majlis Hal Ehwal Agama Islam ini.

Saya juga ingin menyentuh cadangan pindaan seksyen 58(2) dan 59 yang bertujuan untuk memperluaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie dan membolehkan, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong—seksyen 59 yang bertujuan memperuntukkan memberi kuasa kepada Majlis untuk melantik mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan mengenai hukum syarak yang mencukupi bagi menjadi peguam syarie bagi mengendalikan kes-kes di bawah di mahkamah syariah.

Saya harap apabila kuasa ini diberi nanti kepada Majlis, Majlis hendaklah membuat prosedur-prosedur yang membolehkan Peguam-peguam Syarie ini dilantik secara berkekalan. Dalam prosedur yang ada sekarang, di mana dengan keadaan sekarang tiada penyelarasan di kalangan Majlis-majlis Agama Islam di peringkat negeri. Saya dimaklumkan seseorang Peguam Syarie ataupun seseorang yang berkelulusan dalam bidang ini yang ingin me-

ngamalkan (practice) dalam bidang ini, tiap-tiap kali mereka hendak appear di mahkamah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa meminta keizinan daripada Majlis, barulah mereka ditauliahkan dan barulah mereka boleh mengambil sesuatu kes itu.

Jadi, saya harap dengan adanya pindaan ini nanti dan dengan adanya kuasa di bawah pindaan ini yang diberikan kepada Majlis untuk membuat prosedur-prosedur tertentu, saya harap diadakan satu prosedur yang membolehkan seseorang yang telahpun diberi tauliah oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan ini, mengamalkan Undang-undang Syarie di mana-mana juga negeri di Malaysia ini. Jadi, tidak payahlah bila mereka hendak pergi ke Kedah, mereka terpaksa meminta tauliah, kemudian pergi ke tempat lain sekali lagi minta tauliah. Sebab, saya rasa dari segi kelulusan, kita tidak harus mempunyai sebarang keraguan. Sejak Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan telah banyak Peguam-peguam Syarie dilahirkan. Mereka ini bukan sahaja mahir di dalam bidang hukum-hukum syariah tetapi juga dalam bidang sivil (civil law). Jadi, mereka boleh mengambil apa juga kes sama ada syariah atau sivil. Secara kebetulan, entah apa sebabnya saya dimaklumkan pada akhir-akhir ini terlalu banyak kes-kes syariah.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Yan menyebut beberapa kes dan ini memang benar terutama sekali kawasan-kawasan di luar bandar dibandingkan dengan kes-kes sivil, kes-kes yang walaupun mungkin remeh-temeh tetapi ada trend yang menunjukkan kes-kes syariah ini bertambah; kes khalwat, masalah rumahtangga dan sebagainya. Jadi, kalau tiap-tiap kali kita hendak ambil peguam, kita kena

interview dia, beri tauliah, mungkin orang-orang yang ingin mendapatkan perkhidmatan ini terpaksa menunggu. Jadi, kita dengan secara tidak langsung menidakkan hak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan Peguam Syarie.

Saya rasa itu sahaja yang ingin saya sentuh dan sekali lagi saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Larut.

5.13 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Parlimen dari Bukit Bintang yang mana telah mengangkat Sumpah pada hari ini dan kami semua mengalu-alukan Yang Berhormat untuk berkhidmat bersama-sama kami kerana Yang Berhormat telah dilantik menjadi Ahli Parlimen mengikut Perlembagaan dan The Rule of Law. (*Tepuk*) Selamat berkhidmat Yang Berhormat dan Yang Berhormat secara automatik diterima menjadi ahli Backbenchers Club. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga di sini untuk mengemukakan pendapat kepada pindaan ini yang mana tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk mengukuhkan pentadbiran undang-undang berkenaan di samping memperbaiki apa-apa juga kelemahan pentadbiran yang timbul selama ini bagi menyesuaikan pentadbiran semasa tanpa lari dari fundamental syarak. Yang bermaksud,

hanya hukum-hukum Allah S.W.T. sahaja dan hadis Rasulullah yang tidak boleh diputar belit. Prosedur dan tatacara pentadbiran bagi melicinkan pelaksanaan hukum-hukum Islam harus dan wajar kita perkemaskan agar segala penglibatan dan komitmen kita dapat membawa faedah yang meluas dan berterusan kepada setiap ahli masyarakat khususnya masyarakat Islam sendiri.

Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi misalnya boleh kita kemaskan lagi bagi memantapkan operasi pelaksanaannya di segenap peringkat. Dengan menyelitikan seksyen baru 8A untuk memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan menyifatkan mana-mana syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis sebelum Akta ini berkuatkuasa sebagai pertubuhan yang sah, memang kena pada tempat dan masanya. Ianya sama-sama mengambil peluang dalam kepesatan ekonomi negara yang kukuh di bawah pemerintahan dan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan pihak Majlis mempunyai pelbagai rancangan murni dan bermanfaat demi faedah masyarakat Islam seluruhnya. Tidak mungkin perancangan ini mendatangkan hasil yang memuaskan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa adanya satu sokongan ataupun dorongan yang sah dan padu. Selama ini pun terdapat kekaburan peranan dan penglibatan perekonomian yang sentiasa mendapat salah tanggapan umum khasnya dari parti pembangkang kerana tiadanya usaha-usaha mengiktiraf dengan rasmi fungsi dan operasi syarikat-syarikat

tersebut sebagaimana yang terdengar ada yang menyebut berhubung dengan penubuhan Hasil Suci. Maka tercetuslah pelbagai tohmahan dan cemuhan kononnya para pendokong dan pemuka Majlis telah menyelewengkan wang yang telah diamanahkan dalam aktiviti-aktiviti yang meragukan tanpa mendapat restu masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa para pentadbir Majlis Agama Islam tidak mahu memikul beban apabila berhadapan di "Mahkamah Allah" di Padang Mahsyar nanti, iaitu Yaumul Kiamah.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita sentiasa bersangkaan baik kepada mereka yang telah kita lantik untuk menunaikan amanah itu. Sehubungan dengan itu, untuk memberikan suatu pembelaan dan sokongan kepada mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan tersebut, maka sewajarnya lah syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah kuasa Majlis kita iktiraf dengan sah menurut kehendak-kehendak Undang-undang Syarak tanpa lari dari Hukum-hukum Syarak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengesahkan syarikat-syarikat ini akauntabiliti syarikat dan juga Majlis tidak boleh dipertikaikan lagi kerana berbagai aspek penglibatan kini lebih tersusun, kemas kini dan teratur. Akaun-akaun dapat disediakan dengan betul dan akan dapat diaudit dengan saksama oleh akauntan bertauliah dan juruaudit awam untuk dibahaskan oleh semua pihak dan para konsultan juga perlu mengambil peranan untuk melihat syarikat-syarikat seperti ini dijalankan dan dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu tugas-tugas pentadbir dan tenaga

operasi sentiasa dapat diawasi dengan betul, sementara imbuhan dan ganjaran yang setimpal dapat mereka nikmati dengan memuaskan apabila mereka beroperasi secara syarikat. Sebagai badan profesional dan sah (korporat), syarikat-syarikat ini akan dapat menjayakan tanggungjawab memajukan ekonomi orang Islam dengan lebih berhemat, berminat, berwawasan dan bertanggungjawab. Beroperasi secara korporat untuk terus memancar sinar dan harapan baru dalam dunia keusahawanan yang bercorakkan Islam dan syarak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan subseksyen 58(2) akta ini juga dapat memperjelaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie bagi membolehkan beliau berperanan secara lebih menyeluruh dan saksama dalam kes-kes yang kesemuanya melibatkan kepentingan umat Islam. Perlulah ada bukti yang kukuh dan penelitian fakta untuk membolehkan kes-kes ini diadili dengan seadil-adilnya. Oleh itu, amatlah sesuai kuasa Ketua Pendakwa diperjelaskan bagi mengatasi kekaburan peranan dan memenuhi fungsi yang penting iaitu justice must be seen done.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara penting berhubung pindaan akta ini ialah untuk menerima Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak tertentu dalam prosiding di Mahkamah Syariah. Kita akui selama ini kita kekurangan tenaga pakar berpengalaman dan berkelayakan untuk mewakili pihak tertuduh. Mereka yang dirasakan bersalah dan dibawa ke muka pengadilan perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya. Kita tidak mahu wujudnya penganiayaan atau kezaliman terhadap sesorang sebelum beliau dijatuh hukum. Maka haruslah adanya

Peguam Syarie bagi membantu mereka yang memerlukan pembelaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini kita memanglah sejak turun-temurun beratus-ratus tahun kita ramai ustaz-ustaz, kita ramai ulamak-ulamak dan berbagai-bagai ulamak dalam berbagai-bagai keadaan. Tetapi dari mula dulu kita tidak pernah memberi peluang yang baik kepada ulamak-ulamak dan ustaz-ustaz ini supaya kepala mereka itu dipusing sedikit untuk menjadi peguam kerana kalau kita pergi ke Itali, orang Itali tidak mengaji di England pun menjadi peguam. Kita pergi ke Jerman, orang Jerman yang mengaji Jerman pun menjadi peguam.

Jadi, kalau orang mengaji Arab, takkanlah apabila mengaji Arab sahaja, hanyalah pergi ke langit hendak menjadi nabi. Kalau kita hidup di dunia tidak perlu lagi kepada nabi kerana nabi sudah yang terakhir. Jadi, kita perlu memberi fikiran kepada anak-anak kita supaya kalau dia mengaji Arab ataupun mengaji agama pun, kita beri insentif supaya dia menjadi peguam kerana kalau kita mengaji sekolah orang putih, kita hendak menjadi akitek, kita hendak menjadi peguam, kita hendak menjadi doktor, kita hendak menjadi pilot. Tetapi apabila mengaji sekolah agama dan sekolah Arab, kita tanya hendak jadi apa, hendak jadi ustaz. Kalau jadi ustaz hendak jadi apa, hendak jadi Ph.D. Kalau jadi Ph.D hendak jadi apa, ada ruangan Hal Ehwal Islam, tak hendak jadi ustaz – pensyarah-pensyarah.

Jadi, inilah kelemahan yang ada pada ustaz-ustaz dan guru-guru agama pada hari ini dia tidak ada langsung memikirkan hendak menjadi peguam ataupun hendak menjadi pilot, ataupun hendak menjadi doktor. Jarang benar

ustaz menjadi peguam. Jadi Ahli Parlimen ramai – dari Kelantan ramai. Jadi, apabila masalah ini timbul, kursus-kursus perundangan perlu diberi kepada ustaz-ustaz yang ada minat setelah kita menanam minat supaya mereka menjadi Peguam Syarie sama ada mereka pergi ke UIA ataupun pergi ke luar negeri untuk mempelajari prosedur – sivil prosedur, criminal prosedur secara Islam, secara syarie ataupun secara yang mana kita belajar di England boleh juga. Kalau pandai kedua-dua, lagi best.

Peguam Syarie juga perlu mempunyai skop pemikiran yang luas yang mana tidak taksub, tidak jumut, tidak tertutup, dan pandai juga dalam semua hal, bukan hanya setakat ibadat sahaja. Ia juga mempunyai perasaan, perangai ataupun akhlak yang fleksibel tetapi tanpa lari dari fundamental syarak sebagaimana yang saya kata tadi. Kita perlu merancang supaya peguam Islam juga ada mempunyai persatuan mereka Bar at Law, bukanlah peguam syarie ini dialah, dia seorang, ada juga dua tiga orang, saya pun tidak kenal mereka, saya kenal yang sudah meninggal, yang itu yang terror, tetapi yang terror tidak ada pula. Jadi, kita mesti ada Islamic Bar Council, hendak masuk macam mana, yuran macam mana, dia sudah lulus apa. Tentang kelulusan ini, saya rasa memang banyak sebagaimana yang saya sebutkan tadi, banyak benar orang lulus Al-Azhar, lulus kolej-kolej Islam, lulus sekolah-sekolah Arab tetapi mereka juga perlu mempunyai kelulusan sebagaimana kami belajar di England, kena lulus mana-mana tahap.....(*Disorak*)..... why you worry? (*Ketawa*) – lulus tahap-tahap yang tertentu untuk dicall to the bar. So, Peguam Syarie pun perlu ada call to the bar. Janganlah bawa beg, pergi ke merata-rata, what are you?

I am Peguam Syarie. When you are call to the bar? Tidak ada call apa-apa pun, pakai tibai begitu sahaja, dengan izin.

Jadi, kita mesti ada standard sebab Islam ini agama yang standard, agama yang tinggi, jadi Peguam Syarie pun mestilah mempunyai standard yang baik, mempunyai tatacara yang baik, mempunyai something that people respect, dengan izin. Sekarang ini kalau kita kata anak orang itu jadi apa, jadi peguam, seram juga bulu roma. Jadi, kalau kata doktor, seram juga takut belah perut. Jadi, kalau kata pilot, seram juga takut kapal terbang jatuh. Yang itu kita hendak. Apabila kita kata jadi peguam, orang seram dengar. Kalau kita kata saya Menteri Pertahanan, orang seram juga takut kapal perang. Jadi, hendak ada seram, seram yang semangat. Jadi, kalau kita dok lebih kurang, daif sahaja, monyok sahaja, bawa beg pun bertabur, peguam apa? Jadi, ini adalah perlu kerana kita hendak buat kerja yang efektif, kita hendak bayaran yang baik kerana Tuhan kata yang bermaksud, rebutlah peluang kamu di akhirat, jangan lupa peluang kamu di dunia. Antara peluang-peluang di dunia ini menjadi peguam. Tak jadi peguam mengaji di England pun tak mengapa, boleh jadi Peguam Syarie. Tetapi biarlah ada standard.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat ini saya rasa peluang untuk menjadi Peguam Syarie memang banyak dan kita memberi anak-anak kita mana-mana yang hendak menjadi Peguam Syarie, beri insentif, beri macam-macam pelajaran atau pilihan kerana kadang-kadang kalau orang itu hendak jadi Peguam Syarie, kita tidak usah berilah. Macam saya dulu saya pilih menjadi peguam tak syarie sebab

saya tidak hendak menjadi Peguam Syarie kerana apabila menjadi Peguam Syarie, banyak masalah-masalah yang mana kalau kita masuk belah mana pun, saya rasa kadang-kadang bersubahat. Kalau orang kahwin umpamanya, bila dia hendak cerai itu, suami dia semua tidak elok, pada hal dulu, kita tengok dia dua orang dekat lake garden selalu, sekarang ini semua tidak elok. Jadi, susah kita hendak buat keadilan. Jadi, saya memilih bahagian lain.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kuala Nerus.

5.30 ptg.

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah meningkat satu tahap lagi untuk meminda Akta ini, iaitu Akta 8A berkenaan dengan Majlis dibenarkan untuk menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1995.

Malaysia adalah negara yang paling pesat membangun dari segi pengamalan sistem-sistem nilai ekonomi Islam. Walaupun kita memulakan sistem perniagaan Islam agak lewat iaitu pada tahun 1981 dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Bank Islam, dan seterusnya Bank Islam Malaysia Berhad yang telah diperbadankan di bawah Akta Bank Islam telah beroperasi pada 1hb Julai 1983. Namun demikian, di atas usaha-usaha kerajaan yang pada awalnya dengan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, tetapi kita pada hari ini telah sampai kepada peringkat pengamalan sistem ekonomi

Islam yang kita tuju iaitu ekonomi Islam secara total.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membenarkan Majlis Agama Islam menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1995, ini bermakna kita telah membenarkan dan kita telah menggalakkan satu badan yang mempunyai harta, yang mempunyai modal untuk terus mempelopori bidang perniagaan dengan cara al-muamalah Islam.

Bidang al-muamalah Islam kalau dahulunya di tahun lapan puluhan jarang sekali kedengaran konsep-konsep perniagaan Islam seperti al-mudarabah, al-bai' bithaman ajil, al-kafalah, al-ijarah dan lain-lain lagi. Malah konsep al-khaudul hassan yang telah dilaksanakan iaitu pinjaman kebajikan jarang sekali kedengaran.

Pada hari ini dengan gesaan dan saranan kerajaan yang pada awal tahun lapan puluhan menubuhkan Bank Islam dan akhirnya pada awal sembilan puluhan kita telah mengamalkan SPTF (Sisten Perbankan Tanpa Faedah).

Sebenarnya, untuk meninggikan syiar Islam adalah dengan membenarkan ataupun memberi ruang kepada yang ingin mengamalkan iaitu 'roh' perjuangan Islam. Tidak ada lain dan tidak ada siapa-siapa yang lain, yang boleh merubah polisi-polisi kerajaan yang boleh meminda akta-akta selain dari kita semua di dalam Dewan yang mulia ini.

Di dalam Islam tidak ada sekatan untuk berniaga selagi aktiviti-aktiviti tersebut berlandaskan kepada konsep-konsep perniagaan Islam tanpa riba dan tempat-tempatnya yang dilaburkan adalah tempat-tempat yang dihalaikan. Konsep al-mudarabah umpamanya. Kita adalah satu kumpulan, jika

syarikat kumpulan yang dipanggil 'mudarif', minta maaf saya bukanlah seorang ustaz, tetapi saya adalah seorang teknokrat sebenarnya. Tetapi saya merasakan saya juga terpacu ke arah usaha-usaha mengamalkan sistem ekonomi Islam ini. Islam tidak menghalang kita berurusan, mengambil keuntungan, menjadi kaya dan menggunakan modal dan seterusnya keuntungan demi keuntungan diperolehi dan dikapitalaskan.

Di dalam konsep perniagaan Islam seperti al-mudarabah seumpamanya, kita sebagai mudarif yang sebaik-baik mudarif yang berilmu, ahli perniagaan yang berilmu. Di dalam al-tijarah ini seharusnya kita sebagai seorang pemimpin, kita seharusnya menanam semangat supaya kita dapat memberi ruang perubahan, ataupun setiap perkara yang hendak dipinda hendaklah diberi ruang ataupun kita menyokong sebarang akta yang hendak dipinda supaya sehaluan dengan kehendak-kehendak syariah.

Kita merupakan pengamal kepada konsep-konsep syariah dan atas dasar ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita menyokong pindaan yang telah dikemukakan di hadapan kita. Usaha-usaha kerajaan selama ini yang ada di antara kita tidak nampak bahawa amalan baik konsep perniagaan Islam ini seperti usaha kerajaan yang baik, seperti menubuhkan satu jabatan di bawah Bank Negara, yang mengamalkan atau yang dipanggil ECR, dengan izin, Export Credit Refinancing di bawah konsep al-dain, iaitu jual hutang di dalam Islam. Ini adalah satu mutu serta kualiti yang baik sebenarnya mengikut perniagaan ala Islam. Barangkali untuk kita menyebut 'aldain' rupanya agak susah, tetapi ini adalah dalam bahasa Arab.

Saya ingin mencadangkan kalau kita boleh tubuhkan satu institusi yang boleh melatih serta menterjemahkan ensiklopedia-ensiklopedia teori dan amalan-amalan ekonomi Islam. Saya rasa agak lebih baik di mana pada hari ini kita kurang rujukan-rujukan di dalam kita mengemukakan konsep ataupun mengamalkan konsep-konsep Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Malaysia adalah negara yang cepat dari segi perkembangan sudut ilmu ekonomi Islam ini. Kalau kita lihat di Pakistan sebagai contoh, hanya yang diamalkan adalah berbentuk kaunter-kaunter bank mengikut lunas-lunas syariah, dan bukannya seperti penubuhan sebuah bank secara menyeluruh yang mempunyai konsep-konsep di bawah sistem Islam. Tetapi pada waktu yang sama, kita perlu juga memikirkan pada hari ini apakah cara ataupun sistem perundangan yang ada pada hari ini untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap konsep-konsep yang telah kita laksanakan tadi. Sebagai contoh konsep al-bai' bithaman ajil yang telah dibuat oleh Bank Islam dan SPTF. Konsep ini telah kita akatkan melalui sistem jual beli secara Islam, secara dengan izin, defer payment terms. Setelah kita akatkan mengikut konsep Islam, kita juga perlu ingat bahawa semasa tindakan undang-undang dikenakan, kita tidak seharusnya akur ataupun kita tidak seharusnya mengikut bulat-bulat sistem sivil atau sistem perundangan sivil yang ada.

Kita seharusnya merumuskan, kita sepatutnya mengemukakan kajian cara manakah kita hendak mengambil tindakan undang-undang mengikut cara Islam di mana bila kita tidak membayar hutang, cara manakah cara yang paling sesuai. Maka ini adalah satu bidang

baru dan saya merasakan bahawa dengan pindaan Seksyen 59, dengan kita memberikan status yang diperlukan kepada peguam syarie.

Saya juga mencadangkan supaya kita mengkaji balik tindakan undang-undang bagi konsep-konsep yang telah kita amalkan tadi dibuat mengikut cara Islam. Dengan itu saya menyokong pindaan itu dibuat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Rantau Panjang.

5.40 ptg.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut sama membahaskan tentang pindaan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995 yang dikemukakan dan telah dibahaskan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan.

Kita melihat bahawa pindaan yang dikemukakan ini pada umumnya adalah satu usaha ke arah mempertingkatkan status dan aktiviti Majlis Agama khususnya Wilayah Persekutuan dengan memberikan laluan bagi Majlis meneroka bidang yang lebih luas iaitu bidang ekonomi, dengan penubuhan syarikat-syarikat seperti yang disarankan di dalam pindaan ini. Kita semua sependapat bahawa ini adalah satu usaha baik di mana Majlis Agama selain daripada bidang aktiviti dan bidang-bidang kemasyarakatan.

Dengan pindaan ini membolehkan Majlis Agama memasuki bidang ekonomi yang bertujuan meningkatkan dan memperluaskan lagi peningkatan ekonomi umat Islam khususnya

di Wilayah Persekutuan. Cuma mungkin ada beberapa perkara yang perlu kita bincangkan dan mengambil perhatian. Yang pertama sekali kita melihat bahawa pindaan ini ialah salah satu tujuannya menghalalkan dari segi undang-undang tentang adanya aktiviti yang telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini yang pada segi undang-undang tidak halal sebelum ini, iaitu di mana Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebelum ini telah menubuhkan beberapa syarikat yang ternyata luar daripada Akta Syarikat 1986.

Jadi, ini tentulah mendukacitakan kita sebagai umat Islam di mana satu institusi Islam boleh dengan sewenang-wenang melakukan perkara-perkara di luar daripada undang-undang yang tentunya dikendalikan oleh orang-orang yang bertanggungjawab yang tahu tentang undang-undang. Kita difahamkan dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah dilakukan yang di luar daripada undang-undang oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini, selain daripada luar daripada undang-undang yang sedia ada kedengaran juga bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilakukan sebelum ini banyak mengalami kerugian.

Kerugian yang dialami ini selain daripada mungkin kelemahan-kelemahan yang ada dan mungkin juga ada penyalahgunaan kuasa dan mungkin juga penyelewengan-penyelewengan. Kerana itu kita meminta kepada kerajaan supaya salahlaku dan penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan yang berlaku sebelum syarikat-syarikat ini dihalalkan, kesalahan-kesalahan yang sebelum ini dilakukan tidaklah turut dihalalkan dengan adanya pindaan undang-undang ini. Malah kita mendesak

supaya mereka yang bertanggung-jawab melakukan penyalahgunaan kuasa dan mungkin penyelewengan ini supaya dia diadili dan dihukum mengikut kesalahan-kesalahan yang disabitkan.

Walaupun kita menyedari bahawa ada di antara mereka itu telahpun dihukum walaupun bukan dari segi undang-undang dan peraturan, mungkin terhukum dari segi politik dan sebagainya tetapi kita masih menyatakan bahawa setiap yang bersalah sebelum ini merugikan harta benda umat Islam dan perlulah dia diberikan satu tindakan supaya dia menjadi pengajaran kepada semua.

Selain daripada itu saya juga suka hendak menyatakan di sini bahawa syarikat-syarikat ataupun perniagaan yang hendak dilakukan ini, tentulah modal yang hendak digunakan ini ialah modal-modal ataupun harta benda yang dikumpulkan oleh Majlis Agama Islam yang kebanyakannya terdiri daripada zakat, sama ada zakat fitrah, zakat perniagaan, zakat harta benda dan lain-lainnya. Kita sedia termaklum bahawa zakat-zakat yang dikeluarkan oleh orang-orang yang berwajib mengeluarkan zakat ini, pembahagian zakat ini hanyalah tertumpu kepada 8 kumpulan manusia yang dikenali sebagai 8 asnaf. Ertinya, wang yang dikumpulkan oleh Majlis Agama yang akan menjadi modal kepada perniagaan ini adalah hak kepada 8 kumpulan.

Jadi, apabila Majlis Agama ini menubuhkan syarikat dan melakukan aktiviti perniagaan yang bermodalkan daripada harta-harta ini, apakah wajar diperniagakan harta orang tanpa keizinannya yang tentunya apabila masuk ke dalam perniagaan ini ada risikonya. Tentunya boleh untung dan boleh rugi. Jadi, kerana itu saya

menyokong apa yang disarankan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat bahawa setiap aktiviti perniagaan yang hendak diceburi ini mestilah dahulu mendapat fatwa daripada Majlis Fatwa ataupun daripada Mufti supaya modal yang hendak digunakan di dalam perniagaan itu adalah modal yang diizinkan mengikut hukum syarak.

Selain daripada itu aktiviti perniagaan itu sendiri mestilah mendapat fatwa supaya perniagaan itu tidak bertentangan dengan syarak. Demikian dari segi keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan ini yang digunakan daripada modal orang yang tertentu, apakah keuntungannya itu akan dikembalikan kepada yang empunya, iaitu 8 asnaf tadi atau bagaimana kedudukannya? Ini perlu difikirkan ataupun diletakkan kaedah-kaedah oleh Majlis Agama hasil daripada fatwa Majlis Fatwa supaya ia betul-betul merupakan perniagaan yang tertakluk di bawah hukum-hukum syarak yang dilakukan oleh Majlis Agama yang mengendalikan hukum-hukum syarak ini.

Sama sekali tentulah kita tidak mahu melihat bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang merupakan satu penaung kepada syarak ini melakukan aktiviti-aktiviti perniagaan yang luar daripada hukum syarak, sama ada dari segi modal, dari segi operasinya atau dari segi matlamatnya.

Hal selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh di sini ialah tentang pindaan yang menuju kepada mempertingkatkan Mahkamah Syariah dengan mempertingkatkan ataupun memperluaskan lagi tentang peguam-peguam Syarie. Saya juga setuju dan sependapat dengan sahabat-

sahabat bahawa peningkatan ini adalah dialu-alukan. Cuma apa yang kita hendak tekankan di sini bahawa selain daripada meningkatkan status Mahkamah Syariah dan segala yang berkaitan dengannya, maka kita juga mengharapkan supaya kuasa Mahkamah Syariah itu diluaskan seluas mana hukum syarak itu sendiri supaya Mahkamah Syariah ini betul-betul dapat memainkan peranan bagi mengendalikan urusan hal ehwal urusan umat Islam sejajar dengan Islam itu sendiri. Kalau tidak, Mahkamah Syariah selamanya akan menjadi bolehlah dikatakan Mahkamah second class ataupun Mahkamah kelas dua yang sudah tentunya tidak sejajar dengan kedudukan Islam itu sendiri, istimewa sekali di negara kita dianggap sebagai agama rasmi. Malah dilihat dari segi Islam itu sendiri adalah merupakan satu keadaan yang tidak selaras dan tidak selari dengan ajaran Islam.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang baik dari pindahan ini kita sama-sama mengalu-alukan. Cuma kita mengharapkan supaya pindaan yang dilakukan ini betul-betul menepati dengan matlamat dan hasrat pindaan ini, iaitu hendak meningkatkan ekonomi umat Islam dan meningkatkan Mahkamah Syariah itu sendiri sesuai dengan ajaran Islam dan sesuai dengan kedudukan Islam itu sendiri di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang.

5.54 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua. Saya di sini ingin menyokong Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

Dalam kita membahaskan pindaan Rang Undang-undang ini, sudah tentu jelas kepada kita bahawa kita bukan sahaja menyokong pihak Majlis Agama Islam menubuhkan syarikat-syarikat untuk menjalankan perniagaannya, malah kita juga bersetuju dan menghalalkan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan. Dalam usaha Majlis Agama untuk menceburi dunia perniagaan, haruslah diingat bahawa setiap perniagaan yang diceburi itu haruslah dikawal, diselia dan peraturan-peraturan tertentu mestilah disediakan terlebih dahulu. Lebih daripada itu, kita berharap bahawa pakar-pakar yang ada kepakaran masing-masing dalam bidang ekonomi harus dilantik dan di samping itu pakar undang-undang yang memahami peraturan-peraturan yang akan disediakan juga harus dilantik. Kita tidak mahu perkara ini berulang lagi, di mana selama ini syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan telahpun berjalan tanpa disedari bahawa syarikat yang ditubuhkan itu agak bercanggah dengan peraturan ataupun akta yang telah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berharap perancangan yang akan dibuat dalam segi meningkatkan ekonomi orang-orang Islam, bukan sahaja sekadar untuk memikirkan untuk memberi fitrah ataupun hanya untuk memberikan wang sewaktu hari raya, tetapi jauh daripada itu kita amat berharap bahawa Majlis Agama Islam dapat memikirkan daripada keuntungan-keuntungan yang akan diperolehi ini untuk mendirikan institusi-institusi pendidikan dan juga institusi-institusi kemahiran. Ini kita kena lihat bahawa untuk membela orang-orang Islam daripada kalangan orang-orang fakir dan miskin ini kalau boleh diperbanyakkan kursus-kursus kemahiran dan juga kalau boleh kita ingin me-

lahirkan usahawan-usahawan yang asalnya dari golongan-golongan yang kurang berada. Kalau boleh, matlamat menubuhkan syarikat-syarikat ini apabila sesebuah syarikat ini sudah berjaya, saya ingin mencadangkan kalau perlu syarikat ini kita serahkan kepada golongan-golongan usahawan yang telah bina daripada mula supaya mereka ini mengambil alih syarikat dan akhirnya mereka sendiri, kalau boleh menjalankan syarikat-syarikat yang pada mulanya diasaskan oleh Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seksyen 58(2) yang mana saya ingin ucapkan tahniah kepada Majlis ini dengan pindaan Seksyen 58(2) ini, adalah sesuai dengan martabat Mahkamah Syariah pada hari ini yang mereka mempunyai jurisdiction ataupun bidangkuasa sendiri yang mereka sama taraf dengan Mahkamah-mahkamah Sivil yang mana kalau dahulu semua kes daripada Mahkamah Syariah boleh dirujuk kepada Mahkamah Sivil, tetapi pada hari ini dengan perjuangan yang telah dibuat oleh kerajaan kita telah meletakkan Mahkamah Syariah ini ke satu tahap yang patut kita banggakan. Apa yang harus diingat dengan kuasa yang diberi kepada Ketua Pendakwa Syarie yang mana bukan sahaja boleh memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding bagi satu-satu kesalahan, malahan boleh juga memberhentikan satu-satu prosiding jika didapati perlu. Kuasa budi bicara yang ada pada Pendakwa Syarie ini amat penting kerana seandainya budi bicara ini disalahgunakan sudah tentu sedikit sebanyak akan mencemarkan kedudukan Mahkamah Syariah. Kita juga tidak mahu ada kes-kes yang berlaku seperti baru-baru ini kita dengar kes khalwat yang kalau daripada pandangan umum ataupun

orang biasa sudah tentu kes itu didapati bersalah. Tetapi oleh kerana ada kesilapan-kesilapan teknik di dalam prosidingnya, maka kes khalwat yang sepatutnya tidak boleh lepas, akhirnya terlepas. Jadi, kedudukan Mahkamah Syariah ini, martabatnya, maruahnyanya adalah terletak di tangan pendakwa dan juga peguam-peguam yang membicarakan kes.

Mengenai lantikan Peguam-peguam Syarie, saya ingin mencadangkan kuasa yang akan diberi kepada Majlis bahawa dapat mengadakan satu peraturan yang ketat supaya tidak sewenang-wenangnya mana-mana peguam dengan mudah menjadi Peguam Syarie. Walaupun pada hari ini ada setengah-setengah negeri mereka menjalankan temuduga-temuduga tertentu sebelum membolehkan seseorang peguam yang mempunyai kelulusan sivil untuk menjadi Peguam Syarie, maka kita harap Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ini, peraturan-peraturan yang lebih ketat patut dikenakan, semoga walaupun peguam yang ada mempunyai civil law ataupun kelulusan sivil ini, mereka ini mestilah ditemuduga dan dilihat latar belakang pengetahuan agama mereka dengan cara mendalam, kerana daripada segi kes-kes yang telah dibicarakan bahawa jelas Mahkamah Syarie pada hari ini kurang precedentya, ertinya kes-kes yang terdahulu yang patut dibuat rujukan. Oleh itu, kadang-kadang masalah-masalah yang kita lihat peguam-peguam yang mempunyai kelulusan civil ini mereka interpret atau menterjemahkan clause-clause undang-undang ini mengikut pandangan dan juga pengalaman mereka dengan merujuk kepada civil law. Jadi, kita khawatir bahawa interpretasi yang ditafsirkan sesuatu clause itu berdasarkan kepada civil law, kurang sesuai

dengan clause-clause seperti mana yang dikehendaki di dalam undang-undang yang berdasarkan kepada Islam.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kod etika bagi Peguam-peguam Syarie ini patut diadakan supaya mereka juga mempunyai taraf yang sama dengan peguam-peguam yang berkelulusan dari Bar Council kerana kalau ada perbezaan ataupun ada masyarakat memandang Peguam-peguam Syarie ini lebih rendah tarafnya daripada peguam-peguam yang berkelulusan dari Bar Council maka kita khawatir sekali lagi masyarakat akan memandang rendah kepada Undang-undang Islam di negara kita, kerana pelaksanaan undang-undang yang telah dibuat hanya teruji, hanya dapat dihormati apabila mahkamah, pihak yang termasuk kepada pihak Hakim, Pendakwa dan Peguamcara dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna dan mengikut lunas undang-undang, jauh daripada itu berdasarkan kepada lunas-lunas Islam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Labuan, selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.02 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana akhirnya memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana

akhirnya setelah dua kali ditangguhkan rang undang-undang ini, akhirnya dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis kerana telah mencipta nama sebagai pentadbir hal ehwal agama Islam di negara kita ini yang menjadi contoh kepada pentadbir hal ehwal agama Islam di negeri-negeri lain di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993, salah satu fungsi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ialah bagi memajukan bidang ekonomi masyarakat Islam yang berlandaskan kepada hukum-hukum syarak. Fungsi ini timbul adalah berasaskan atau berdasarkan kepada Majlis sebagai pentadbir. Tanah-tanah wakaf, harta pesaka tidak berwaris di samping memungut zakat dan mengagihkannya kepada yang berhak mengikut 8 mazhab yang telah ditetapkan. Di samping itu juga ianya mempunyai tanggungjawab bagi menangani masalah sosio ekonomi dan dan hal ehwal masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan yang semakin sehari semakin terkenal, merupakan hasil daripada kemajuan ekonomi negara kita ini. Dan ini ditangani dengan pertumbuhan taman-taman perumahan yang semakin sehari semakin meningkat, pertumbuhan penduduk daripada penghijrahan ke ibu negara daripada desa dan kampung, khususnya di kalangan masyarakat Islam yang sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan masalah remaja, masalah sosial, masalah keluarga, masalah ekonomi, masalah ketidakseimbangan, ratio, teruna dan dara yang menyebabkan

peningkatan bilangan wanita yang memilih untuk hidup membujang dan banyak lagi masalah-masalah lain.

Saya tidak berhajat untuk membincangkan masalah-masalah ini kerana ianya telah pun ditangani oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain, tetapi satu perkara yang saya rasakan begitu ketinggalan sekali diberikan perhatian oleh kerajaan semua masyarakat di wilayah-wilayah ini berusaha, bekerja untuk meningkatkan ekonomi sendiri tetapi lupa tentang masalah mati ini. Yang saya maksudkan ialah tentang penyediaan ataupun masalah kerumitan ataupun keruncingan tapak atau tanah perkuburan bagi orang-orang Islam khususnya di Wilayah Persekutuan termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan. Selama ini Majlis telah pun berjaya misalnya menangani masalah bagi menyediakan sebanyak mungkin tempat-tempat beribadah, surau dan masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini dengan penyediaan sebanyak mungkin surau dan masjid di mana penghuninya tidak perlu lagi bersusah payah berebut-berebut untuk menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negara tetapi boleh mendapatkannya, boleh melakukannya di sebelah blok pejabat dan sebagainya.

Begitu juga tentang pentadbiran surau dan masjid di seluruh Wilayah Persekutuan ini kerana ini dapat ditangani dengan baik, kita ucapkan tahniah. Dan saya memohon agar pihak majlis supaya dapat mengambil inisiatif yang lebih serius bagi membolehkan penyediaan tempat-tempat tanah perkuburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini kerana kalau di Labuan merupakan satu kawasan yang kecil 92 kilometer persegi sahaja, hampir setiap kampung ada tanah

perkuburan tetapi ianya kecil dan kini sudah hampir 'fully utilized' dan saya kluatir setahun dua yang akan datang, tidak ada lagi tempat untuk tujuan pengebumian ini, begitu juga di Kuala Lumpur ini. Jadi, untuk itu kalau boleh pihak majlis atau Jabatan Agama Islam membuat perancangan yang terperinci bagi menyediakan keperluan tanah perkuburan bagi tujuan 50 tahun akan datang sehingga satu methoda yang lebih sesuai digunakan ditemui.

Saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya memikirkan bagi mengenakan kepada para pemaju perumahan yang besar-besaran ini, yang memajukan satu bidang tanah 1,000 ekar, 2,000 ekar ini untuk tujuan perumahan supaya juga menyediakan tapak-tapak tanah perkuburan ini, kalau ianya difikirkan perlu atau sekurang-kurangnya mengenakan supaya pemaju ini menyumbangkan kepada satu tabung yang ditadbir oleh jabatan untuk tujuan bagi penyediaan tanah perkuburan ini.

Di samping itu juga saya ingin menyarankan supaya Jabatan Agama Islam dapat mentadbirkan tanah-tanah perkuburan yang ada pada hari ini kerana didapati bahawa di setengah-setengah tempat, khususnya di kawasan saya, ianya tidak ditadbir dengan betul dan dengan kehadiran pendatang-pendatang tanpa izin ini yang tidak mengikut peraturan yang ada, menggunakan tanah perkuburan ini sesuka hati mereka dan menanamkan mayat sesuka hati mereka mengikut kehendak mereka sendiri. Jadi, ini menyusahkan kepada masyarakat tempatan ini. Jadi, saya ingin meminta perhatian Jabatan Agama Islam supaya memberikan perhatian yang serius terhadap keperluan tanah perkuburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perkara yang telah pun disebutkan oleh rakan-rakan sebentar tadi tentang penglibatan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam pembelian saham. Jadi, supaya Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini dan dapat memberikan penjelasan apa yang berlaku sebenarnya, apakah ada benar kerugian yang dialami oleh pihak majlis di atas pelaburan saham ini atau sebaliknya supaya dapat menghilangkan atau menghakis pandangan serong terhadap kemampuan atau kewibawaan syarikat-syarikat di bawah majlis ini untuk mentadbir syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal kutipan zakat yang diswastakan ini yang kononnya ada penyelewengan berlaku sehingga menyebabkan ada masyarakat Islam yang ingin menyumbangkan zakat sekarang ini sudah was-was tentang keadaan sebenarnya dan takut untuk membayar zakat, takut-takut wang zakat mereka ini diselewengkan. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berkormat Menteri mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan mempunyai tanah wakaf atau harta-harta wakaf yang begitu banyak di Kuala Lumpur ini. Pertama, saya ingin menyatakan supaya harta-harta tanah wakaf yang ada di Ibu Kota ini dipertahankan dan dimajukan sebaik mungkin untuk tujuan peningkatan ekonomi Majlis dan tidak berlaku seperti tanah harta-harta wakaf di negeri-negeri lain di mana ianya terbiar begitu sahaja dan merupakan tempat-tempat yang paling run-down di sesetengah negeri. Jadi, kita mengharapkan ini dapat diberikan perhatian.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan tentang pemberian harta-harta wakaf yang terletak di negeri-negeri selain daripada Wilayah Persekutuan ini kerana ramai penderma-penderma ini yang berhajat untuk mewakafkan harta atau tanah mereka di luar daripada Kuala Lumpur atau Labuan, misalnya terletak di negeri Selangor atau di Negeri Sembilan. Jadi berasaskan kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri, ini tidak dibenarkan. Jadi, saya berpendapat bahawa perkara ini dapat dilakukan dengan baik, dengan niat penderma ini untuk memberikannya kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Di samping itu juga kita mengetahui bahawa ianya mempunyai asas kerana penduduk-penduduk yang tinggal di Wilayah Persekutuan hari ini pada asalnya tinggal ataupun berasal dari negeri-negeri tertentu dan mereka ini ingin menzakatkan atau mewakafkan harta mereka ini kepada Majlis Agama Islam. Jadi, saya mencadangkan supaya perkara ini dapat diberi perhatian dan dapat dihalalkan serta diberikan ke-longgaran kerana ianya bertentangan dengan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah membuat perancangan untuk membangunkan Mahkamah Syariah yang termoden atau yang terbaik di Wilayah-wilayah, termasuklah juga di Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi, ini selaras dengan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada juga dibangkitkan tentang pentadbiran syarikat-syarikat dan apabila Akta ini diluluskan nanti, maka mungkin

banyaklah syarikat-syarikat akan ditubuhkan. Saya ingin menyentuh soal ini supaya pentadbiran syarikat-syarikat ini dibuat dengan baik dan dengan lebih teliti supaya tidak ada penyelewengan dan supaya ia benar-benar ditadbir oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dan bukan meletakkannya kepada bekas-bekas pesara yang pada pendapat saya sudah tidak mempunyai inisiatif yang tinggi, seperti yang disebutkan oleh rakan saya dari Bagan Serai yang mengatakan 'sudah tua', tidak lagi boleh berfikir untuk memajukan syarikat-syarikat ini. Jadi, saya memohon supaya pihak jabatan memikirkkan soal ini dan meletakkannya kepada pegawai-pegawai yang lebih berwibawa dan mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 ini kerana sebentar tadi ada pendapat, khususnya daripada wakil dari Pengkalan Chepa yang menyatakan bahawa pindaan Akta ini adalah bertujuan untuk melindungi salah laku yang dibuat oleh Majlis kerana katanya menubuhkan syarikat bertentangan dengan penubuhan Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan seperti ini, sama ada syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis ini tidak sah kerana tidak mematuhi peruntukan di dalam Seksyen 8 Akta 505. Saya berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Majlis sebelum ini adalah sah kerana penubuhan syarikat-syarikat ini mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu di bawah Akta Syarikat, 1965. Di samping itu juga saya meneliti bahawa tidak ada sebarang sekatan yang ter-

dapat di dalam Seksyen 8, Akta 505 ini yang khususnya melarang penubuhan syarikat-syarikat tersebut. Sebaliknya terdapat beberapa peruntukan yang boleh dianggap memberikan keupayaan kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat-syarikat tersebut, misalnya hak ataupun kuasa-kuasa Majlis untuk memperoleh atau memegang harta. Ini termasuklah saham-saham di mana-mana syarikat yang juga dirujuk di dalam Seksyen 8, 9, 10 dan 11, Akta Pentadbiran Islam, Enakmen 1952.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini pendapat yang mengatakan perbadanan ataupun corporatisation yang dirujuk juga adalah secara khusus dan ini adalah kerana syarikat, bagi saya adalah merupakan spesis organisasi yang hanya terdapat di bawah Akta Syarikat 1965. Dalam hal-hal lain, perkataan yang serupa ini adalah merupakan organisasi selain daripada yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat. Jadi, ianya bukan merupakan sebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini seksyen 8A(1) ini yang diperkenalkan bagi membolehkan Majlis menubuhkan syarikat bagi melaksanakan aktiviti-aktivitinya adalah merupakan penjelasan supaya ini lebih jelas lagi justifikasi penubuhan syarikat ini. Bagi saya adalah supaya syarikat ini lebih berkesan serta terkawal kerana terdapat peruntukan-peruntukan yang lebih nyata dan sempurna di dalam Akta Syarikat 1965 yang dapat membantu Majlis untuk membuat sebarang keputusan. Di samping itu juga terdapat peruntukan yang lengkap untuk menjaga atau melindungi kepentingan Majlis di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mentadbir harta tersebut, sepatutnya ia-

nya ditadbirkan sebaik-baik mungkin, termasuklah bagi tujuan untuk memajukan harta berkenaan supaya hasilnya dapat dimanfaatkan kepada tujuan lain yang lebih menguntungkan masyarakat Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan ini. Bagi tujuan memajukan Majlis tentunya memerlukan jentera pelaksana yang cekap dan berkesan, maka dengan itu penubuhan syarikat sebagai agen pelaksanaan sesuatu projek adalah alternatif yang terbaik sekali. Dengan itu, wajarlah Majlis diberikan kuasa dengan jelas untuk menubuhkan syarikat-syarikat bagi melaksanakan projek atau perniagaan yang mempunyai daya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perbahasan yang dilakukan oleh 12 orang Ahli Yang Berhormat, diakhiri dengan Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Saya mengucapkan terima kasih itu kerana memberi penjelasan bagi pihak saya, jadi saya tidak payah menjawab lebih banyak lagi.

Bagi tujuan khusus, sukalah saya menerangkan bahawa saya menolak sekeras-sekerasnya bahawa pengenalan atau mewujudkan Seksyen 8A ini tidaklah bererti bahawa syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan sebelum ini adalah tidak mengikut undang-undang sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Sebenarnya semua syarikat

yang ditubuhkan selama ini setakat ini adalah dikawal oleh Akta Syarikat 1965 dan segala perjalanannya adalah dikawal oleh juruaudit dalam, juruaudit luar dan oleh juruaudit negara. Bahkan penubuhan syarikat-syarikat berkenaan adalah terkandung di dalam Akta 505 tahun 1993 tetapi sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Labuan, tidak menyebut dengan khusus tetapi menyebut secara umum misalnya untuk melabur. Misalnya saya sebut Akta 505 tahun 1993, "untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949". Kemudian kita baca lagi Seksyen 8, "menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasa-kuasa di bawah Seksyen 7."

Tujuan saya membaca ini untuk menerangkan bahawa dalam Akta sebelum kita pinda ini, pengurusan atau penubuhan syarikat-syarikat itu tidaklah bercanggah dengan kuasa Majlis tetapi kita tambah ini supaya lebih terang dan lebih nyata lagi. Suka juga saya terangkan bahawa penubuhan syarikat-syarikat ini pada masa itu adalah untuk menunaikan kehendak dan tuntutan fardu kifayah dalam masyarakat terutama sekali dalam masyarakat Wilayah Persekutuan dan syarikat-syarikat yang kita tubuhkan selama ini kebanyakannya ialah untuk syarikat-syarikat yang mengendalikan usaha pendidikan. Misalnya sebuah syarikat kita tubuhkan bagi menubuhkan seolah-olah suatu kolej swasta apa yang kita namakan Institut Profesional Baitulmal yang menguruskan pelajar-

pelajar dan menyiapkan pelajar-pelajar untuk mengambil peperiksaan-peperiksaan luar negara dalam pelbagai profesion seperti jurukira ACCA dan setiausaha-setiausaha syarikat dan pelbagai lagi kelulusan luar negara yang peperiksaannya diambil oleh penuntut tetapi persiapannya dikendalikan oleh Baitulmal dengan syarikat yang diluluskan

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: (*Bangun*)

Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dato', ada yang minta jalan.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sekejap sahaja, saya hendak terangkan bagi habis tajuk ini sahaja.

Kemudian, suka saya terangkan bahawa semua syarikat, kegiatan syarikat dari segi modalnya, aktivitiinya adalah di bawah pengawasan Jawatankuasa Fatwa, iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Satu misalan saya sebutkan lagi ialah kita tubuhkan satu syarikat bagi mengadakan satu hospital swasta di samping memberi perkhidmatan perubatan secara Islam iaitu Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI). Syarikat ini juga mengendalikan pemberian ubat-ubatan dan mengendalikan hal kesihatan orang-orang yang tidak berupaya dari segi kewangan. Begitu juga kita tubuhkan misalnya disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi iaitu Syarikat Harta Suci. Syarikat ini ditubuhkan oleh Majlis bagi mengendalikan pungutan zakat secara korporatise. Maka syarikat ini jugalah yang menjalankan hal-hal pungutan zakat dan pengendalian kemasukan zakat dalam Baitulmal kita.

Jadi, suka saya sebutkan di sini bahawa syarikat yang ditubuhkan tidak bercanggah dengan undang-undang dan tidak bercanggah dengan kuasa Majlis yang sedia ada tetapi tidak begitu terang. Maka dengan adanya pengenalan Seksyen 8A ini, kita memberi penerangan kepada seksyen-seksyen yang sedia ada dalam bidang kuasa Majlis.

Tadi disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa ada kerugian-kerugian yang tertentu dalam pengendalian syarikat-syarikat. Sebenarnya inilah tabiat kita berniaga, kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi tetapi pada keseluruhannya Majlis Agama Islam membuat keuntungan yang besar.

Disebut juga tadi bahawa ada kes kehilangan RM2 juta tentang pembelian saham. Kehilangan RM2 juta ini bukan kehilangan wang Majlis tetapi kehilangan wang yang dipunyai oleh syarikat broker saham, tempat Majlis membeli saham. Maka Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di antara 24 pihak yang membeli saham daripada broker saham itu yang berlaku penyelewengan dalam syarikat tersebut, bukannya hilang wang Baitulmal dan syarikat itu telah membayar balik wang RM2 juta itu kepada Baitulmal kerana itu tanggungjawab dia. Jadi, suka saya memberi penerangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bukan kehilangan wang Baitulmal tetapi kehilangan wang syarikat broker saham, tempat kita membeli saham. Maka, wang itu telah dikembalikan kepada Baitulmal. Sila Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan walaupun sudah diterangkan sebahagian daripadanya. Saya hendak

minta penjelasan tentang bilangan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis sebelum ini dan bidang-bidang aktiviti dan kalau boleh, tentang untung rugi perniagaannya.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat secara detail hari ini, saya minta tangguh.

Satu lagi aspek perubahan atau pindaan kepada Akta ini ialah tentang Mahkamah Syariah iaitu tentang Peguam Syarie. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang kewibawaan mahkamah dan sebagainya. Sukalah saya nyatakan hari ini dalam majlis yang mulia ini bahawa kerajaan sedang berusaha dengan penuh giat untuk mempertingkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah. Pada umumnya sekarang ini, masyarakat telah faham bahawa hal-hal yang dikendalikan dalam Mahkamah Syariah adalah satu aspek yang sangat penting dari segi keadilan. Dengan itu, Mahkamah Syariah diberi tempat yang istimewa terutama sekali kes-kes keluarga ini telah disedari oleh masyarakat. Kes keluarga adalah lebih besar daripada kes 'mal' – kes harta benda. Orang yang berkelahi kerana berebut anak, tidak boleh tidur kedua-dua belah pihak selagi kes itu tidak selesai. Ini lebih besar daripada kes wang berjuta-juta ringgit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dato', kita sambung esok kerana masa hari ini sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta

kemukakan Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan 16(3).

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Bencana Akibat Daripada Pembangunan

6.30 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, tragedi tanah runtuh di jalan susur ke Genting Highlands pada 30hb Jun 1995 lalu adakah disebabkan kecuaiian manusia atau takdir? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 5hb Julai 1995 menegaskan, "kita buat semuanya mengikut peraturan, tetapi ini kuasa Tuhan". Walaupun manusia cuma cuba membuat sesuatu mengikut segala yang dikehendaki mengikut pengetahuan sains dan teknologi, ada kuasa lebih besar daripada itu yang kita tidak boleh kata 100%. Kita akan percaya dengan dua kemalangan sebegitu sahaja terjadi tidak menafikan suatu kepercayaan bahawa faktor dan kuasa Tuhan dan tragedi itu adalah disebabkan kecuaiian manusia dan tragedi Highland

Towers pada 19 hb Disember 1993 juga berlaku disebabkan kecuaiannya manusia. Kenapa kita salahkan kuasa Tuhan sebagaimana tangan manusia sendiri melakukan kecuaiannya? Oleh itu, siapakah yang bertanggungjawab dalam tragedi yang meragut 20 nyawa dan 23 yang lain cedera, termasuk seorang wanita, Joginder Kaur yang hilang tidak dapat dikesan? Sekiranya kerajaan tidak mahu bertanggungjawab dengan menyalahkan takdir dan kuasa Tuhan dalam tragedi malang di jalan susur ke Genting Highlands, adakah kerajaan menganggap Encik Gurmit Singh, penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar berbohong dalam kenyataan akhbar pada 5hb Julai tahun 1995 bahawa takungan air sekitar 300 meter dari aras laut sepanjang jalan susur ke Genting Highlands adalah buatan manusia.

Apabila Menteri Kerja Raya dalam kenyataannya pada 6hb Julai 1995 memberitahu mengenai siasatan awal tragedi ini, dia pula berani menyifatkan Encik Gurmit Singh berbohong. Kenyataan Menteri itu seperti dipetik berkata;

“Kita percaya hujan lebat pada hari kejadian menyebabkan takungan air itu pecah. Takungan yang berada pada cerun tertinggi itu menyebabkan kesan runtuh yang kuat. Apa yang berlaku ialah air, tanah, pokok dan batu-batu melimpah daripada satu takungan air yang wujud secara semulajadi. Kedalaman takungan air ini dipercayai 5 meter”.

Apakah kerajaan bersedia membenarkan pakar-pakar dari NGO atau PBB bagi memastikan sama ada takungan air di jalan susur ke Genting Highlands ini buatan manusia atau semulajadi? Kalau kita tidak mendapat kepastian, tentulah sukar mahu menentukan siapa yang perlu bertang-

gungjawab dalam tragedi yang meragut nyawa manusia ini.

Kita memerlukan pakar-pakar luar, bukan atas sifat tidak berpatriotik, tetapi disebabkan sifat patriotik yang mendalamlah kita mahukan keadilan kerana kerajaan gagal memberikan keadilan. Dalam kes Highland Towers misalnya, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu Dewan ini,

“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Jawatankuasa Teknikal, keanggotaannya seramai 27 orang dan jawatankuasa yang satu lagi, keanggotaannya seramai 20 orang, tetapi yang enam itu cuma minoriti.”

Jawapan ini membuktikan kerajaan tidak mahu menerima pandangan 6 orang pakar yang dianggap minoriti yang dapat membuktikan punca sebenarnya tragedi Highland Towers tumbang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan memang diperlukan bagi mencapai kemajuan yang pesat, tetapi kerajaan dan korporat yang bertanggungjawab mahukan pembangunan mestilah peka dengan persekitaran alam, ekologi dan geografi supaya rakyat tidak menjadi mangsa kepada pembangunan.

Tragedi tanah runtuh di jalan susur ke Genting Highlands pada 30hb Jun 1995 adalah sikap mengabaikan persekitaran alam, ekologi dan geografi di samping kecuaiannya manusia sendiri. Oleh itu, mangsa tragedi ini sudah sewajarnya diberi pampasan yang adil bukan berdasarkan ihsan pihak pemaju Genting Highlands sahaja. Kerajaan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya dan campur tangan dalam menentukan pampasan yang adil kepada mangsa

tragedi sebagai satu amaran yang mana di masa akan datang, pemaju yang bertanggungjawab dalam pembangunan tidak boleh melarikan diri dengan menyalahkan takdir dan kuasa Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, jaminan Perdana Menteri supaya siasatan menyeluruh dibuat dan jaminan Timbalan Perdana Menteri tidak ada kompromi jika terdapat kecuaiian seperti dilaporkan dalam akhbar 3hb Julai 1995 dan 5hb Julai 1995 hendaklah meliputi bagaimana menentukan nasib mangsa yang hilang tidak dapat dikesan.

Jumlah 20 mayat yang ditemui dan 23 orang yang cedera hendaklah sejajar dengan jumlah 14 buah kenderaan yang ditemui, iaitu 9 buah kereta; satu bas persiaran; dua buah van; dan 2 buah teksi. Saya hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Satu minit. Sedikit sahaja. Rakyat hendaklah diberi maklumat jumlah penumpang sebenarnya dalam bas persiaran, dua buah van, dua buah teksi dan sembilan buah kenderaan berkenaan semasa tragedi itu berlaku. Adakah setiap kenderaan hanya seorang sahaja pemandu – menjadikan 14 orang semua dan penumpang bas persiaran itu seramai 29 orang dan jumlah semuanya seramai 43 orang.

Sama ada lain-lain kenderaan itu tidak mempunyai penumpang langsung, perkara sebenar dalam kejadian itu perlu diketahui supaya pampasan yang adil dapat diberikan kepada mangsa dan keluarga mangsa tersebut.

Timbalan Tang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian diminta jawab.

6.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian tanah runtuh di jalan susur ke Genting Highlands yang mengorbankan 20 nyawa; seorang hilang; dan 22 orang tercedera adalah satu tragedi yang tidak disangka dan amat menyedihkan. Saya merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang terlibat sebenarnya adalah jalan persendirian dan di luar kawal selia Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, berikutan dengan kejadian ini, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal penyiasatan tragedi tanah runtuh jalan susur ke Genting Highlands. Jawatankuasa ini telah diberi kuasa selama 2 bulan oleh kerajaan untuk menjalankan siasatan bermula dari tarikh 5hb Julai tahun ini. Oleh itu pada masa ini, kerajaan

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Kabinet ada memberi dua bulan kepada Jawatankuasa ini untuk menjalankan suatu siasatan tetapi Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada umumkan

bahawa kerja siasatan akan dihabiskan dalam masa tempoh sebulan iaitu 5hb Ogos. Hari ini ialah 14 Ogos, lepas daripada satu bulan. Kenapa date line ini tidak boleh ditunaikan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah keputusan dari pihak Kabinet. Dua bulan diberi untuk jawatankuasa ini membuat penyiasatan mulai dari 5hb Julai. Oleh itu pada masa ini kerajaan belum dapat mengumumkan mengenai punca sebenar kejadian dan pihak-pihak yang bertanggungjawab sehinggalah jawatankuasa ini selesai menjalankan siasatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kejadian yang serupa tidak berulang, kerajaan telah dan akan melaksanakan tindakan-tindakan berikut:-

- (i) mengenal pasti jalan-jalan yang kritikal bertujuan untuk mengawasi dan membuat pemeriksaan dari semasa ke-semasa bagi memastikan jalan-jalan kritikal ini selamat untuk digunakan.
- (ii) membuat kerja-kerja penyelenggaraan termasuk pencegahan pemotongan cerun bukit secara tidak wajar dan membuat tembok penahan tanah serta alternatif-alternatif lain yang difikirkan berseesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jalan yang terlibat merupakan jalan persendirian, saya telah difahamkan bahawa pihak yang menguruskan jalan berkenaan bersedia untuk mempertimbangkan bayaran pampasan yang bersesuaian kepada keluarga-keluarga mangsa. Walau

bagaimanapun, perlulah mengikut proses undang-undang. Sekian, terima kasih.

Semangat Perpaduan Di antara Kaum Yang Merosot

6.43 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mohon maaf kepada kawan-kawan saya yang terpaksa menunggu. Tetapi Ucapan Penangguhan saya ini dengan niat ikhlas, bukan seperti DAP yang sentiasa menyalahkan orang lain. Tujuan saya bangun di sini untuk memaklumkan Ucapan Penangguhan saya ini bahawa keadaan negara kita sekarang untuk menuju ke Wawasan 2020, negara kita perlu perpaduan di antara kaum tetapi oleh sebab keadaan kita, keadaan sekolah-sekolah kita, keadaan parti-parti pembangkang kita seperti DAP, PAS, S46 yang sentiasa menghasut masyarakat kita; maka kita menghadapi masalah. Saya takut kalau tidak ada perpaduan masyarakat pada tahun 2020, maka sudah tentu negara kita tidak akan menjadi satu negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekolah kita sekarang ini kita mempunyai sekolah menengah kebangsaan; saya tidak mahu bercakap tentang sekolah rendah, sebab selalunya kanak-kanak di sekolah rendah ini tidak menghadapi masalah perkauman. Kita mempunyai sekolah menengah kebangsaan, kita mempunyai sekolah agama, kita mempunyai sekolah menengah jenis kebangsaan Cina. Nasib baik kita tidak mempunyai sekolah menengah jenis kebangsaan Tamil. Kalau tidak lagi susah. Jadi, saya ingin tahu setakat mana kementerian ini

telah membuat kajian tentang perpaduan di negara kita ini. Kalau dahulu kita sering melihat anak-anak muda kita, pada zaman saya masih sekolah, kita selalu pergi menonton, pergi bermain, berkelah bersama-sama dengan berbagai-bagai kaum. Anak keturunan India, anak keturunan Cina, anak Melayu selalu berganding bersama. Pergi bermain, menonton, berkelah, hitch-hike tetapi sekarang kita dapati perkara-perkara ini. Ini disebabkan oleh keadaan sekolah kita termasuklah seperti yang saya katakan tadi keadaan parti-parti pembangkang.

Oleh itu, untuk kita hendak menuju kepada Wawasan 2020, hendak menyatupadukan masyarakat kita, kita minta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang sekarang ini terkenal dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat sahaja, jaga orang-orang cacat. Tetapi sebenarnya perpaduan itu amat mustahak sebab perpaduan inilah yang akan menuju arah negara kita. Kalau dengan tidak ada perpaduan, saya tidak nampak. Oleh itu, saya menyeru kementerian ini untuk menjadi sebagai anchor menyatupadukan ataupun menyelaraskan Kementerian Belia dan Sukan yang mana menjaga tentang anak-anak belia kita dan Kementerian Pendidikan di mana sebagai "kilang" mengeluarkan anak-anak masyarakat pada masa depan.

Saya minta kementerian ini menyelaraskan sebab saya lihat kalau dengan tidak ada penyelarasan begini, masing-masing membawa hal dengan kementerian masing-masing; maka kita rasa perpaduan ini seolah-olah seperti melepaskan batuk di tangga sahaja. Jadi, saya harap sebab kita tidak nampak jalan lain. Di mana kita menghapuskan semangat perkauman kita?

Di sekolah? Di rumah? Di pejabat? Tambahan pula sekarang ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menubuhkan tadika. Tadika tidak ada masalah tentang perpaduan.

Oleh itu, saya berharap kita hendak menuju wawasan ini, saya harap kementerian ini, saya mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini tumpukan perpaduan lebih banyak lagi. Minta peruntukan. Ini kita minta peruntukan untuk orang-orang cacat, untuk orang-orang buta sahaja. Saya tengok 4.5% sahaja peruntukan budget untuk kementerian ini. Minta peruntukan yang banyak supaya Ahli-ahli Parlimen, sahabat-sahabat saya ini dapat menyokong. Supaya dapat mengadakan aktiviti-aktiviti yang banyak, supaya masyarakat kita akan dapat bersatu padu. Kementerian ini juga hendaklah mewujudkan satu institusi yang hanya akan memikirkan tentang perpaduan masyarakat dan menghapuskan sifat-sifat perkauman di kalangan masyarakat kita dan saya harap kementerian ini juga, ini cadangan saya yang ikhlas, oleh sebab keadaan sekolah-sekolah kita; saya minta kementerian ini supaya pada masa cuti; di sekolah mereka ini tidak bersatu padu di antara kaum supaya kementerian ini dalam masa cuti sekolah cantumkan mereka ini. Mengadakan aktiviti-aktiviti berkelah, camping, hitch-hike di antara kaum. Summer camp kawan saya kata. Ini seperti zaman dulu kita ada Out Bound School di Perak. Sekarang sudah tidak ada lagi. Di mana kita dapat bergaul di antara kaum dan menghilangkan semangat perkauman kita.

Saya percaya tuan-tuan, puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lupa habaq "Yang Berhormat", depa kata kita

kempen pilihanraya pula. Tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya kalau yang sebaya dengan saya semasa kita bersekolah dulu kita sekarang ini kita tidak mempunyai sifat perkauman. Tetapi sekarang saya tengok perkauman ini makin lama makin menebal sebab kanak-kanak ini belajar, bersekolah tidak bergaul cuma dia bercantum di universiti dan di universiti ini berpuak-puak. Tidak ada peranan di peringkat universiti untuk menggaulkan mereka ini. Oleh itu, saya berharaplah sangat-sangat kepada kementerian ini supaya mengadakan banyak aktiviti. Mintalah peruntukan yang banyak untuk kepentingan ini sebab saya percaya kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokongnya.

Insyallah, jika kementerian ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada perpaduan masyarakat dan menghapuskan sifat-sifat perkauman dan KDN pula menggunakan ISA kepada mereka di sebelah sana seperti Pembangkang yang menghasut selalu ini, kumpulkan mereka ini di satu tempat sebab mereka ini memainkan peranan menghasut. Insyallah kalau dengan peranan-peranan ini, kita akan dapat menuju kepada cita-cita Perdana Menteri kita yang kita kasihi, suatu masyarakat yang maju dan negara yang maju. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian menjawab.

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):

Tuan Yang di-Pertua, apabila mendengar kawan saya dari Pokok Sena memberi ucapan berkenaan dengan tajuk yang telah disediakan pada petang ini, memang saya sangka perkara ini ada kaitan antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, bagi permulaannya saya suka menerangkan saya tidak mahu memberi jawapan bagi pihak Kementerian Pendidikan dan tidak mahu memberi jawapan bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, hanya pada petang ini saya suka memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Bagi ringkas dahulu, iaitu peruntukan yang telah disediakan tahun 1995 bagi Jabatan Perpaduan Negara iaitu sebanyak RM45,658,800.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk menyumbang ke arah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang masyarakatnya bersatu padu khususnya dalam konteks pencapaian matlamat Wawasan 2020, kementerian ini melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa menumpu dan meneruskan pelaksanaan berbagai-bagai program dan aktiviti menggalakkan perpaduan yang bertujuan untuk mengekalkan perhubungan kaum yang harmoni dan seterusnya meningkatkan tahap perpaduan negara dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, pendekatan yang digunakan oleh kementerian ini untuk menggalakkan perpaduan masyarakat berbagai-bagai kaum ialah bermula dari peringkat masyarakat setempat khususnya di kawasan-kawasan rukun tetangga dan diperluaskan kepada masyarakat di peringkat daerah, negeri dan seterusnya. Di peringkat masyarakat setempat, pembukaan kelas Tabika

Perpaduan dapat mendedahkan kanak-kanak yang berumur dari 5 sampai 6 tahun. Kelas Tabika Perpaduan ini bermula dari tahun 1976 dan pada masa ini ada 985 kelas dan kebanyakan kanak-kanak ialah 27,052 orang. Tentang kemahiran berintegrasi sesama mereka yang merentasi perbezaan kelompok etnik, agama dan budaya. Bagi kumpulan sasar generasi muda pula, berbagai-bagai aktiviti kejiranan seperti khemah kerja, kesenian, seminar kepimpinan dan kursus motivasi dilaksanakan dari semasa ke semasa. Untuk menggalakkan mereka berintegrasi, bergaul mesra

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin): Yang Berhormat, Yan hendak minta jalan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Boleh, dan menggalakkan semangat perkumpulan kerjasama dan menghormati di antara satu sama lain.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kagum dengan program yang dianjurkan oleh kementerian. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak kerana saya dapat lihat sekarang ini banyak universiti semasa cuti sekolah ini mengadakan penuntut universiti ke desa turun ke kampung. Jadi, masalah yang mereka hadapi ialah kewangan. Mereka organise sistem anak angkat dan sebagainya di mana kadang-kadang orang-orang Tionghua tidur di rumah orang Melayu, orang India bercampur dengan orang Melayu, jadi dia memahami di antara satu sama lain.

Jadi, boleh atau tidak kalau saya cadangkan kepada kementerian agar

peruntukan juga diberi kepada universiti-universiti ini untuk student ini menganjurkan skim anak angkat yang akan wujud kadang-kadang dua minggu semasa musim cuti itu. Jadi, ini akan mengeratkan lagi dan mengenali budaya kita antara satu sama lain. Jadi, saya mencadangkan supaya kementerian memberikan sedikit peruntukan supaya apabila penuntut ini datang, atau pun mereka panggil kelab mereka datang, taklah teruk Wakil Rakyat. Ini Wakil Rakyat juga kena beri, Tuan Yang di-Pertua. Kita melelehlah. Jadi, kalau boleh kita harap kementerian reserve certain fund. Jadi, kalau dia datang jumpa saya sekali lagi, saya minta rujuk kepada kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin oleh sebab ada beberapa ribu kelas tadika. Jadi, saya katakan tadi budak-budak tadika tidak berapa ada sifat perkauman. Kenapa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggunakan kesempatan ini menyatupadukan ibu bapa di tadika-tadika sebagai salah satu aktiviti bukan menyatupadukan kanak-kanak di tadika tetapi ibu bapa di tadika.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mulanya kawan saya dari Yan, saya sudah memberitahu awal tadi saya tidak mahu memberi penjelasan ataupun jawapan bagi pihak Kementerian Pendidikan kerana bukannya satu masalah peruntukan yang digunakan. Jikalau mengikut apa yang disentuh oleh kawan saya iaitu Yang Berhormat

dari Pokok Sena, ialah penyelarasan, koordinasi di antara 3 kementerian. Jadi, ini bukan berkenaan dengan peruntukan. Ini banyak masalah yang lain akan difikir dan akan dirunding oleh kementerian-kementerian ataupun kerajaan sendiri. Jadi, bagi pihak Yang Berhormat Pokok Sena tadi, berkenaan dengan anak-anak ini, jadi ibu bapa patut dibuat perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi satu penjelasan iaitu apabila satu bulan saya telah ditugaskan dalam kementerian ini, saya menerima satu jemputan iaitu untuk merasmikan satu perhimpunan guru-guru tabika di Kuching iaitu guru-guru tabika di seluruh negeri Sarawak. Apabila saya diberitahu oleh Setiausaha saya, dia bilang lebih kurang 2,000 orang datang. Saya terkejut saya fikir budak ini banyak gila. Apabila saya datang ke Kuching masa itu saya ada di kawasan saya, helikopter yang menghantar saya pergi Kuching dari kawasan sempit saya pergi ke sana, saya nampak ramai bapa tabika itu. Bukan cikgu-cikgu sahaja, memang enak pun ramai, bapa pun ramai. Jadi, tujuan kelas tabika ini memang bukannya menyatupadukan kanak-kanak sahaja, memang menyatupadukan ibu bapa.

Di samping itu, melalui aktiviti-aktiviti ini juga dapat memantapkan pengetahuan mereka mengenai aspek-

aspek kenegaraan dan cintakan tanah air supaya mereka dapat menjadi warganegara yang berdedikasi dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya aktiviti-aktiviti seumpama ini secara langsung menyediakan kanak-kanak dan golongan remaja di peringkat masyarakat setempat dengan kemahiran berinteraksi dalam scenerio masyarakat di negara ini yang terdiri daripada berbagai kaum. Ini juga secara langsung dapat membantu mereka untuk mempraktikkannya semasa berada di peringkat sekolah rendah, menengah dan pendidikan tinggi sama ada melalui kegiatan kurikulum ataupun kegiatan-kegiatan kokurikulum. Atas hakikat ini, maka Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang berusaha untuk memperluaskan cawangan Tunas Jiran dan Jiran Muda di kawasan rukun-tetangga selaras dengan peningkatan bilangan institusi sosial ini di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.